



KEMENTERIAN KEWANGAN

TINJAUAN EKONOMI



MEREALISASI EKONOMI MADANI



Tinjauan Ekonomi 2026

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : fed@treasury.gov.my

Tinjauan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2026 diterbitkan pada 10 Oktober 2025.

Data dan analisis yang terkandung dalam dokumen Tinjauan Ekonomi 2026 disediakan oleh kakitangan Kementerian Kewangan. Usaha telah diambil untuk memastikan garis masa dipatuhi serta ketepatan dan keterangkuman maklumat semasa penyediaan dokumen ini. Sekiranya terdapat ralat, pindaan akan dibuat dalam edisi digital seperti di laman sesawang Kementerian Kewangan.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



Trusted Secure Professional

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-9236 6888



PRAKATA

Sudah menjadi resam dunia di zaman pascanormal ini untuk diduga dengan keserentakan keberentakan bertalu-talu yang menguji negara dan masyarakat tanpa mengenal batas sempadan. Ketegangan geopolitik semakin memuncak, perbalahan tarif bergolak, kemusnahan iklim kian meruncing, malah pasaran kewangan berayun penuh ketidaktentuan. Sungguhpun kejelasan dasar tarif di Amerika Syarikat memberikan sedikit kelegaan, namun risiko yang tertumpu kepada sektor serta kemungkinan tindakan timbal balik terus berlegar. Ini mampu mengganggu sistem perdagangan global selanjutnya dan merencatkan pertumbuhan.

Sungguhpun dunia menempuhi tantangan yang hebat, Malaysia tidak boleh memilih jalan paling mudah demi kelegaan sementara. Sudah sekian lama rakyat menuntut pembaharuan sebenar. Sebagai pentadbiran yang tulus memegang amanah rakyat, Kerajaan perlu menyeimbangkan risiko luar dengan keperluan mengatasi cabaran struktur yang lama membelenggu pertiwi. Dipandu oleh kerangka Ekonomi MADANI, tugas kita bukan semata-mata menyediakan landasan bagi pertumbuhan yang bermakna, tetapi juga mengembalikan maruah rakyat, mempertingkatkan mutu kehidupan dan memastikan kekayaan negara dapat dinikmati secara saksama oleh segenap lapisan masyarakat.

Kita masih di bibit awal perjalanan reformasi negara, namun hasilnya sudah boleh dikecapi. Prestasi pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.4% pada separuh pertama 2025 mengatasi banyak negara serantau yang turut merasa bahang kejutan tarif. Pertumbuhan ini juga bersifat menyeluruh: isi rumah kekal berbelanja dengan yakin, pelaburan awam dan swasta terus meningkat, sektor pelancongan terus rancak, malah aktiviti pembinaan giat berjalan. Pada masa yang sama, kelangsungan hidup rakyat lebih terpelihara. Kadar pengangguran mencatat paras terendah dalam sedekad, inflasi kekal rendah, sementara ringgit muncul antara mata wang paling berdaya tahan di rantau ini. Kendatipun sistem perdagangan global kian perlahan, pengeksport kita tetap menyesuaikan diri sambil mengekalkan pekerjaan dan daya saing. Berbekalkan kekuatan ini, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan antara 4% hingga 4.8% pada 2025 dan 4% – 4.5% pada 2026.

Belanjawan 2026 merupakan edisi keempat dalam siri Belanjawan MADANI dan yang terulung di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13). Ia menandakan peralihan daripada proses reformasi kepada era transformasi, melakar perjalanan di mana pemulihan segera digantikan dengan pembaharuan jangka masa panjang. Pelaburan strategik yang digariskan di bawah RMK13 menyantuni dua tonggak Ekonomi MADANI, yakni 'Menaikkan Siling' potensi negara dan 'Menaikkan Lantai' kesejahteraan rakyat. Ikhtiar ini dirangka untuk memacu pertumbuhan, menjulang peranan Malaysia dalam rangkaian bekalan global dan memperkukuh modal insan anak watan. Dengan ini, rakyat boleh menikmati gaji yang lebih baik, peluang mobiliti sosial yang tulen dan mutu kehidupan yang lebih tinggi. Dengan RMK13, Malaysia akan memperluas kepakaran dalam sektor pertumbuhan dan nilai yang tinggi seperti kecerdasan buatan dan tenaga boleh baharu. Wawasan ini adalah untuk melonjakkan negara ke barisan hadapan pemain teknologi dunia, sekali gus memampankan kemakmuran untuk generasi akan datang.

Dengan reformasi yang dijalankan, Malaysia tampil semakin yakin menyuarakan pandangannya di pentas dunia. Seiring dengan sejarah kita sebagai sebuah negara berdagang, kita memilih keterlibatan dan kerjasama sebagai jalan ke hadapan. Tatkala kita bersiap menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026 dan menamatkan tempoh Kepengerusian ASEAN, kita melangkah dengan tekad baharu: menempatkan Malaysia sebagai jambatan serantau, rakan yang dipercayai dalam kalangan negara Selatan Global serta pendukung pertumbuhan yang lebih adil dan lestari. Tinjauan Ekonomi 2026 ini bukan sekadar menilai pencapaian setakat ini, malah menegaskan hala tuju strategik negara. Sungguhpun kita dibadai gelora, Malaysia tetap mampu mara dengan daya tahan, keanjalan dan keyakinan.

Di zaman pascanormal ini, setiap krisis turut membenihkan peluang. Ia mengingatkan saya akan firman Allah dalam al-Quran (62:10), bahawasanya setelah selesai bersolat, manusia diseru untuk bertebaran di muka bumi bagi mencari rezeki dan peluang. Begitulah juga hakikatnya buat Malaysia hari ini. Segala ujian yang dilalui menjadi peringatan agar kita bermuhasabah dengan pengalaman silam. Pada masa yang sama, ia turut memanggil kita untuk bangkit bersama, merintis ufuk baharu dan mendaki mercu kejayaan lebih gemilang. Kerangka Ekonomi MADANI sudah menggariskan agenda reformasi ini, hatta, apa yang tinggal hanyalah untuk kita beristiqamah di landasan ini dengan kesatuan, kestabilan dan tekad. *Insyaa-Allah*, sejarah tidak akan memperingati detik ini semata-mata akan onar dan duri yang dilalui, tetapi ia akan mengiktiraf keberanian kita untuk membina semula negara tercinta. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.





ANWAR IBRAHIM
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
10 Oktober 2025



EKONOMI NEGARA 2026

pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹ Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN

LUAS KAWASAN 2020 (kilometer persegi)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia		Sarawak	Sabah	Wilayah Persekutuan ¹	
330,241	131,786		124,450	73,621	384	
	2024 ⁹		2025 ¹⁰		2026 ¹¹	
PENDUDUK ² (juta)	34.1		34.5		34.9	
PENGELUARAN DALAM NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,650,305	5.1	1,724,712	4.0 – 4.8	1,795,752	4.0 – 4.5
Pertanian	103,458	3.1	104,725	1.2	107,004	2.2
Perlombongan dan pengkuarian	98,432	0.9	99,503	1.1	98,462	-1.0
Pembuatan	382,034	4.2	396,388	3.8	408,280	3.0
Pembinaan	66,580	17.5	73,272	10.1	77,705	6.1
Perkhidmatan	980,110	5.3	1,030,007	5.1	1,083,056	5.2
Duti import	19,692	7.1	20,818	5.7	21,245	2.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,932,291	5.9	2,015,738	3.8 – 4.6	2,125,757	5.4 – 5.8
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam	231,196	5.9	242,447	4.9	252,002	3.9
Swasta	1,174,092	6.5	1,244,055	6.0	1,324,971	6.5
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³	89,938	12.5	101,529	12.9	109,730	8.1
Swasta	307,007	13.4	337,045	9.8	363,674	7.9
Perubahan inventori dan barangan berharga	27,268	-	-14,223	-	-22,942	-
Eksport barangan dan perkhidmatan	1,378,518	10.0	1,414,973	2.6	1,477,692	4.4
Import barangan dan perkhidmatan	1,275,728	9.4	1,310,088	2.7	1,379,371	5.3
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)	1,614,675	4.7	1,694,629	5.0	1,762,924	4.0
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)	1,866,181	5.5	1,960,023	5.0	2,064,176	5.3
Tabungan Negara Kasar (harga semasa)	451,929	3.7	458,603	1.5	473,679	3.3
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)	54,793	3.5	56,851	3.8	59,162	4.1
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	2024		2025 ¹²		2026 ¹³	
Hasil	324,618	3.1	334,115	2.9	343,124	2.7
Perbelanjaan mengurus	321,509	3.3	332,150	3.3	338,202	1.8
Baki semasa	3,109		1,965		4,922	
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	82,275	-13.5	78,679	-4.4	79,500	1.0
Baki keseluruhan	-79,166		-76,714		-74,578	
% KDNK	-4.1		-3.8		-3.5	
Pinjaman dalam negeri (bersih)	77,073		82,023		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih)	-227		-4,800		-	
Perubahan aset ⁴	2,320		-509		-	

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2024		2025 ¹²		2026 ¹³	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan⁵	1,247,614	64.6	1,304,176	64.7	–	–
Hutang dalam negeri	1,219,638	63.1	1,281,418	63.6	–	–
Bil Perbendaharaan Malaysia	5,000	0.3	2,000	0.1	–	–
Bil Perbendaharaan Islam Malaysia	10,000	0.5	5,500	0.3	–	–
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	570,800	29.5	614,800	30.5	–	–
Sekuriti Kerajaan Malaysia	633,838	32.8	659,118	32.7	–	–
Pinjaman luar pesisir	27,976	1.5	22,758	1.1	–	–
Pinjaman pasaran	24,977	1.3	19,804	1.0	–	–
Pinjaman projek	2,999	0.2	2,954	0.1	–	–
	2024		2025 ¹⁰		2026 ¹¹	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)	RM juta		RM juta		RM juta	
Imbangan akaun semasa	27,716		34,254		23,218	
Barangan	114,462		112,527		98,255	
Perkhidmatan	-11,672		-7,642		65	
Pendapatan primer	-66,111		-55,715		-61,581	
Pendapatan sekunder	-8,963		-14,918		-13,523	
Imbangan akaun modal dan kewangan	-4,936		–		–	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-7,038		–		–	
Imbangan keseluruhan	15,742		–		–	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Eksport kasar antaranya:	1,509,291	5.8	1,558,664	3.3	1,602,556	2.8
Barangan pembuatan	1,289,189	6.0	1,341,511	4.1	1,381,521	3.0
Barangan pertanian	105,786	11.6	111,026	5.0	114,703	3.3
Barangan perlombongan	103,892	-2.1	93,593	-9.9	93,238	-0.4
Import kasar antaranya:	1,370,237	13.1	1,432,836	4.6	1,488,276	3.9
Barangan perantaraan	749,247	20.7	737,976	-1.5	768,613	4.2
Barangan modal	166,098	29.0	206,851	24.5	215,654	4.3
Barangan penggunaan	117,414	12.8	118,440	0.9	123,079	3.9
Jumlah dagangan	2,879,528	9.2	2,991,500	3.9	3,090,832	3.3
Imbangan dagangan	139,053	-35.4	125,828	-9.5	114,280	-9.2
HARGA	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	132.8	1.8	–	1.0 – 2.0	–	1.3 – 2.0
BURUH	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)
Tenaga buruh 2026	16,903.5	3.3	17,309.2	2.4	17,707.3	2.3
Pengangguran ⁶	534.1	(3.2)	514.2	(3.0)	526.0	(3.0)

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2024 Akhir Julai		2025 Akhir Julai	
PASARAN KEWANGAN DAN MODAL	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Bekalan wang				
M1	636,762	7.2	680,177	6.8
M2	2,412,973	5.3	2,508,144	3.9
M3	2,423,037	5.3	2,516,210	3.8
Sistem perbankan (termasuk bank Islam)				
Dana ⁷	2,434,499	5.3	2,535,797	4.2
Pinjaman	2,016,464	6.4	2,100,521	4.2
Nisbah pinjaman kepada dana (%)	82.8		82.8	
Kadar faedah (kadar purata, %)	Julai		Julai	
Antara bank 3 bulan	3.54		3.26	
Bank perdagangan				
Deposit tetap: 3-bulan	2.63		2.32	
12-bulan	2.79		2.42	
Deposit tabungan	0.87		0.83	
Kadar asas (BR) purata berwajaran	3.66		3.40	
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.68		6.43	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	-		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁸				
1-tahun	3.22		2.89	
5-tahun	3.53		3.15	
	Akhir Ogos		Akhir Ogos	
Pergerakan ringgit	RM bagi seunit	perubahan¹⁴ (%)	RM bagi seunit	perubahan¹⁴ (%)
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	5.8166	5.7	5.7768	0.7
Dolar AS	4.3155	7.5	4.2180	2.3
Euro	4.7788	5.5	4.9195	-2.9
100 yen Jepun	2.9804	6.5	2.8695	3.9
Paun sterling	5.6811	3.1	5.6937	-0.2
Bursa Malaysia				
FBM KLCI	1,678.80		1,575.12	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	2,035.63		1,950.30	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

² Anggaran penduduk semasa berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁵ Pada 2025, data adalah sehingga akhir Jun 2025

⁶ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁷ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁸ Hasil indikatif pasaran

⁹ Awalan

¹⁰ Anggaran

¹¹ Unjuran

¹² Anggaran disemak

¹³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

¹⁴ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
AKRONIM DAN SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI
Memacu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat	3
Penunjuk Prestasi Utama Kerangka Ekonomi MADANI	3
Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030: Melakar Semula Pembangunan	5
Tinjauan	6
Kedudukan Semasa Belanjawan 2025	7
Pengurusan Ekonomi	12
Sisipan 1.1 – Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan	14
Inisiatif Strategik – Belanjawan 2026	21
Sisipan 1.2 – Memartabatkan Agenda Bumiputera dengan Menaikkan Lantai	24
Rencana 1.1 – Sedekad Gaji Minimum: Mengukur Impak ke atas Ekonomi	26
Kesimpulan	33
Rujukan	34
BAB 2	EKONOMI GLOBAL
Perspektif Keseluruhan	41
Ekonomi Global	42
Sisipan 2.1 – Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Menerajui Masa Depan Kewangan ASEAN	46
Tinjauan Global 2026	52
Kesimpulan	55
Rujukan	56

BAB 3 TINJAUAN MAKROEKONOMI

Perspektif Keseluruhan	63
Ekonomi 2025	63
Rencana 3.1 – Ketidaktentuan Impak Tarif Amerika Syarikat ke atas Ekonomi Malaysia	80
Sisipan 3.1 – Kesan Perubahan Harga Terhadap Corak Perbelanjaan Isi Rumah	86
Tinjauan 2026	100
Sisipan 3.2 – Merapatkan Jurang Kecerdasan Buatan di Malaysia	101
Kesimpulan	111
Rujukan	112

BAB 4 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan	117
Perkembangan Monetari	117
Prestasi Ringgit	118
Prestasi Sektor Perbankan	119
Prestasi Pasaran Modal	122
Prestasi FBM KLCI	126
Sisipan 4.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal	128
Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam	130
Sisipan 4.2 – Memperkukuh Pasaran Modal Islam Malaysia melalui Maqasid Syariah	131
Kesimpulan	134
Rujukan	135

JADUAL PERANGKAAN 139

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA 205

RAJAH

Ekonomi Negara 2026

Rajah 1.1.	Pencapaian Tujuh Penunjuk Utama	4
Rajah 1.2.	Wadah RMK13	5
Rajah 2.1.	Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global	42
Rajah 3.1.	Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	65
Rajah 3.2.	Output Sektor Pembuatan	67
Rajah 3.3.	Jurang Tabungan-Pelaburan	72
Rajah 3.4.	Rakan Dagang 10 Teratas	76
Rajah 3.5.	Rizab Antarabangsa	79
Rajah 3.6.	Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar	98
Rajah 4.1.	Paras Kadar Dasar Semalaman	117
Rajah 4.2.	Pelarasan Kadar Dasar Monetari Bank Pusat Terpilih	118
Rajah 4.3.	Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih	118
Rajah 4.4.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar	119
Rajah 4.5.	Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia	124
Rajah 4.6.	Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul	125
Rajah 4.7.	Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun	125
Rajah 4.8.	Prestasi Bursa Malaysia	126
Rajah 4.9.	Prestasi Pasaran Saham Terpilih	126
Rajah 4.10.	Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara	134

JADUAL

Jadual 3.1.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor	63
Jadual 3.2.	Prestasi Sektor Perkhidmatan	64
Jadual 3.3.	Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik	68
Jadual 3.4.	Prestasi Sektor Pertanian	69
Jadual 3.5.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat	71
Jadual 3.6.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan	73
Jadual 3.7.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih	73
Jadual 3.8.	Perdagangan Luar Negeri	75
Jadual 3.9.	Eksport Kasar	75
Jadual 3.10.	Eksport Barangan Pembuatan	76
Jadual 3.11.	Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir	77
Jadual 3.12.	Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	78
Jadual 3.13.	Indeks Harga Pengguna	97
Jadual 3.14.	Indeks Harga Pengeluar	97
Jadual 3.15.	Penunjuk Pasaran Buruh	99
Jadual 3.16.	Guna Tenaga mengikut Sektor	99
Jadual 4.1.	Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman	120
Jadual 4.2.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor	121
Jadual 4.3.	Pemerolehan Dana dalam Pasaran Modal	123
Jadual 4.4.	Terbitan Baharu Bon Korporat mengikut Sektor	123
Jadual 4.5.	Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih	127
Jadual 4.6.	Perbankan Islam: Penunjuk Utama	130

AKRONIM DAN SINGKATAN

4IR	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat	AMRO	ASEAN+3 Macroeconomic Research Office
5G	generasi kelima	AOB	Lembaga Pemantauan Audit
ABMI	Inisiatif Pasaran Bon Asia	APSC	Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN
ACFIT	kertas audit, memaksa kehadiran untuk memberikan keterangan, membekukan aset serta memperoleh rekod daripada penyedia perkhidmatan internet dan telefon	AS	Amerika Syarikat
		ASCC	Komuniti Sosio-Budaya ASEAN
		ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN	ASEAN TFF	Fasiliti Pembiayaan Peralihan Rangkaian Kuasa ASEAN
ACSR	Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan	ASEAN-BAC	ASEAN Business Advisory Council
ACV	Wawasan Komuniti ASEAN	ATR	Kelonggaran peralihan tambahan
ADB	Asian Development Bank	B10	kumpulan isi rumah berpendapatan 10% terendah
ADI	Akademi Dalam Industri	B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN	BDA	analisis data raya
AFMGM	Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN	BIG	Bengkel Inovasi GLC
AFMGM+3	Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN+3	BNM	Bank Negara Malaysia
AFTN	Rangkaian Kumpulan Pemikir Kewangan ASEAN+3	BNPL	Beli Sekarang Bayar Kemudian
AI	kecerdasan buatan	bps	mata asas
AIF	Dana Infrastruktur ASEAN	BPT	Beras Putih Tempatan
AIGE	Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara	BRICS	Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan
		BTS	buah tandan segar
AI-Rmap	Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan, 2021–2025	BUDI Agri-Komoditi	Penerima individu termasuk petani dan pekebun kecil
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	BUDI95	BUDI MADANI RON95
AKPT	Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga	Bursa RISE+	Skim Insentif Penyelidikan Bursa Plus

BWF	Badminton World Federation	E&E	elektrik dan elektronik
CAAM	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia	ECB	European Central Bank
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	ECF	pendanaan ekuiti awam
CCUS	pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon	ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
CDS	Sistem Depositori Pusat	EFT	Ecological Fiscal Transfer
CET1	Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	EKVE	Lebuhraya Lembah Klang Timur
CFIL	Makmal Inovasi Kewangan Iklim	EMDE	pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun
CMDF	Dana Pembangunan Pasaran Modal	EMMoU	Memorandum Persefahaman Multilateral Dipertingkat Mengenai Perundingan dan Kerjasama dan Pertukaran Maklumat
CMIM	Inisiatif Multilateralisasi Chiang Mai	EPCC	kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian
CMP4	Pelan Induk Pasaran Modal 4	ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
CO ₂ eq	karbon dioksida setara	ESHN	Elaun Sara Hidup Nelayan
CoSIF	Dana Pelaburan Bersama	EU-ABC	EU-ASEAN Business Council
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019	EV	kenderaan elektrik
CPI	Indeks Persepsi Rasuah	F&B	makanan & minuman
CPTPP	Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik	FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
CRMSA	Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario	FDI	pelaburan langsung asing
CSI Solution	Penyelesaian Perisikan Kemampanan Berpusat	Fed	Rizab Persekutuan Amerika Syarikat
DDI	pelaburan langsung domestik	FIFA	Federation Internationale de Football Association
DFI	Institusi Kewangan Pembangunan	FMOS	Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan
DRFI	Inisiatif Pembiayaan Risiko Bencana	FRF	Yayasan Laporan Kewangan
DSR	nisbah khidmat hutang	FTA	perjanjian perdagangan bebas
		GEAR-uP	Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan

AKRONIM DAN SINGKATAN

GgCO ₂ eq	gigagram bersamaan karbon dioksida	IPR	Inisiatif Pendapatan Rakyat
GHG	gas rumah kaca	IPO	Tawaran Awam Permulaan
GLC	syarikat berkaitan kerajaan	ISSB	Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan	i-TEKAD	Inisiatif Pembiayaan Tekad
GovTech	Teknologi Kerajaan	JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
GP	rakan kongsi umum	JMCPHC	Jawatankuasa Menteri Bersama mengenai Kos Penjagaan Kesihatan Swasta
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau	JS-SEZ	Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura
HDI	Indeks Pembangunan Manusia	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
HES	Survei Perbelanjaan Isi Rumah	KHTP	Kulim Hi-Tech Park
HGHV	pertumbuhan dan nilai tinggi	KL20	Pelan Tindakan KL20
HHFS	Solar Terapung Hibrid Hidro	KPI	penunjuk prestasi utama
HIES	Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah	KRI	Khazanah Research Institute
HIS	Survei Pendapatan Isi Rumah	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
ICM	Pasaran Modal Islam	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
IFDI	Petunjuk Pembangunan Kewangan Islam	LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa	LDR	nisbah pinjaman kepada deposit
IFRS SDS	Piawaian Penzahiran Kemampanan IFRS	LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
IHP	Indeks Harga Pengguna	LIMA	Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi
IHPR	Indeks Harga Pengeluar	LNG	gas asli cecair
IKMAS-UKM	Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia	LPG	Gas Petroleum Cecair
IMD	International Institute for Management Development	LRT	Transit Aliran Ringan
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa	LRT3	Transit Aliran Ringan 3
IOSCO	Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa	LSS	Solar Berskala Besar
		MACC	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

MAHA	Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia	NFOF	Dana Nasional Berasaskan Dana
MARA	Majlis Amanah Rakyat	NGCC	Pusat Tindakan Geoekonomi Negara
MaTF	Pasukan Petugas Maqasid al-Syariah untuk ICM	NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	NIC	Sumbangan Insurans Negara
MAVCOM	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia	NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
MGI	Institut Global McKinsey	NSRF	Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	NSS	Strategi Semikonduktor Nasional
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia	NTBp	Rangka Tindakan Perdagangan Nasional
MICE	mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran	OER	kadar perahan minyak
MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia	OFS	Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan
MoF	Kementerian Kewangan	OKU	orang kurang upaya
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia	OPR	Kadar Dasar Semalaman
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari	OTT	over-the-top
MPGN	Majlis Perundingan Gaji Negara	P2P	antara rakan setara
MSM	minyak sawit mentah	PACE	Dasar, Andaian, Kalkulator dan Pendidikan
MTC	syarikat peringkat pertengahan	PED	Keberhasilan Ekonomi Keutamaan
MyBayar PDRM	Aplikasi MyBayar PDRM	PEKA B40	Skim Peduli Kesihatan
MyDIGITAL	Pelan Ekonomi Digital Malaysia	PGM	Perintah Gaji Minimum
MyGOV	Portal Rasmi Kerajaan Malaysia	PIKAS 2030	Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030
MYMT 2026	Tahun Pelancongan Perubahan Malaysia 2026	PKS	perusahaan kecil dan sederhana
NACS	Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional	PLWS	Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti
NAIO	Pejabat AI Kebangsaan	PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
NDI	Pendapatan Boleh Guna Bersih	PMTK	pembentukan modal tetap kasar
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara		

AKRONIM DAN SINGKATAN

PNK	pendapatan negara kasar	Sejahtera MADANI	Inisiatif Kesejahteraan Rakyat Malaysia MADANI
PP	pampasan pekerja	Sejati MADANI	Program Sejahtera Komuniti MADANI
PPG	Perintah Peraturan Gaji	SEPP25	Program Perintis Bursa Sosial
PPHSSL	Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan	SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
PPP	kerjasama awam-swasta	SKDS	Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi
ppt	mata peratusan	SoC	Sistem pada Cip
PRIBUMI	Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia	SPIRIT	Instrumen Penambahbaikan dan Kajian Dasar Struktur
PRR	Program Residensi Rakyat	SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab
PuTERA35	Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035	SRR	Keperluan Rizab Berkanun
R&D	penyelidikan dan pembangunan	SSA	syarikat senaraian awam
R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi	SSF	Niaga Hadapan Saham Tunggal
RBA	Reserve Bank of Australia	SSHP	Skim Subsidi Harga Padi
RCEP	Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau	SSL	tahap sara diri
RCF	Fasiliti Kesiapan Projek Keterhubungan Serantau	SSLR	Sarawak Sabah Link Road
RFF	Fasiliti Pembiayaan Pantas	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
RM	Ringgit Malaysia	SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
RMK13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030	SST	cukai jualan dan cukai perkhidmatan
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025	STAR	Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi
RMR	Rumah Mesra Rakyat	STIZ	Zon Pelaburan Pelancongan
RTS Link	Rapid Transit System Link	STR	Sumbangan Tunai Rahmah
SABK	syarikat awam bukan kewangan	t.t.t.l.	tidak terkelas di tempat lain
SARA	Sumbangan Asas Rahmah	TBB	tenaga boleh baharu
SBR	Kadar Asas Standard	TCFD	Pasukan Petugas Khas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	TEU	unit bersamaan dua puluh kaki
SEDG	Panduan Penzahiran ESG Ringkas		

TFP	Produktiviti Faktor Menyeluruh	USD	Dolar Amerika Syarikat
TIV	jumlah keseluruhan industri	VM2026	Tahun Melawat Malaysia 2026
TNB	Tenaga Nasional Berhad	WBG	Kumpulan Bank Dunia
TNK	tabungan negara kasar	WCE	West Coast Expressway
TRP	Transit Responsif Permintaan	WISE	West Ipoh Span Expressway
TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional	WSTS	World Semiconductor Trade Statistics
UK	United Kingdom	YAHB	Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	YEN	Yayasan Ekuiti Nasional
US-ABC	US-ASEAN Business Council	YPB	Yayasan Pelaburan Bumiputra

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

3	MEMACU EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT
3	PENUNJUK PRESTASI UTAMA KERANGKA EKONOMI MADANI
5	RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS, 2026 – 2030: MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN
6	TINJAUAN
7	KEDUDUKAN SEMASA BELANJAWAN 2025
12	PENGURUSAN EKONOMI Sisipan 1.1 – Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan
21	INISIATIF STRATEGIK – BELANJAWAN 2026 Sisipan 1.2 – Memartabatkan Agenda Bumiputera dengan Menaikkan Lantai Rencana 1.1 – Sedekad Gaji Minimum: Mengukur Impak ke atas Ekonomi
33	KESIMPULAN
34	RUJUKAN

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Memacu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat

Usaha menilai kesan ketidaktentuan global dan pengenaan kadar tarif lebih tinggi oleh AS merupakan tugas mencabar bagi negara membangun termasuk Malaysia. Dasar tarif yang dilaksanakan pentadbiran AS telah menjejaskan persekitaran perdagangan berasaskan peraturan dan prospek ekonomi global. Kedudukan Malaysia sebagai ekonomi kecil dan terbuka menyebabkan negara mudah terjejas dengan kejutan luaran berikutan perubahan perdagangan yang dinamik dan peningkatan dasar perlindungan yang memberikan cabaran dalam perancangan ekonomi jangka masa panjang.

Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah strategik di bawah Belanjawan 2025 bertujuan menyalurkan peruntukan ke arah pertumbuhan yang terangrum dan mampan. Belanjawan ini memberikan tumpuan kepada tiga teras utama iaitu menjana perubahan, membugar ekonomi dan memakmurkan rakyat. Langkah ini juga menekankan tanggungjawab fiskal, pelaburan dalam infrastruktur digital dan hijau, peruntukan bagi rasionalisasi subsidi, dasar berkaitan buruh dan peluasan pelepasan cukai serta program sokongan untuk kumpulan sasar dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI dalam memacu ekonomi ke hadapan, Belanjawan ini menggalakkan peningkatan pertumbuhan industri, pendigitalan dan inovasi bagi meningkatkan daya saing serta memperkukuh pasaran domestik.

Penunjuk Prestasi Utama Kerangka Ekonomi MADANI

Dalam mengekalkan momentum pertumbuhan Malaysia, Kerajaan kekal komited untuk mencapai sasaran tujuh penunjuk prestasi utama (KPI) di bawah Kerangka ini bagi memacu transformasi Malaysia ke arah ekonomi yang lebih berdaya saing, terangrum dan mampan. Penanda aras tersebut berfungsi sebagai indikator untuk mengukur pembaharuan, outcome, kemajuan dalam kedudukan global, keterangkuman sosial dan kemampanan fiskal. Malaysia mencatat pencapaian stabil merentas beberapa KPI seperti dalam Rajah 1.1. Pendekatan ini akan disokong secara strategik menerusi Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) yang menggariskan inisiatif bagi tempoh lima tahun untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang bernilai tinggi, inklusif dan mampan merentas semua sektor.

Selaras untuk menjadi antara 30 ekonomi terbesar, Malaysia kini mencatat kedudukan ke-36 pada peringkat global dengan KDNK sebanyak USD422 bilion selaras dengan aspirasi untuk menjadi antara 30 ekonomi terbesar. Pembaharuan dasar dan institusi serta pelaburan dalam modal insan, infrastruktur dan teknologi digital dalam industri maju seperti semikonduktor dan kecerdasan buatan (AI) terus memacu momentum ini. Selain itu, pencapaian daya saing Malaysia meningkat dengan ketara sejak 2024 iaitu melonjak 11 anak tangga kepada kedudukan ke-23 dalam World Competitiveness Ranking (WCR) International Institute for


Management Development (IMD) 2025. Justeru, langkah mempelbagaikan perdagangan; memperkukuh aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I); serta memperkemas peraturan; menambah baik tadbir urus dan ketersediaan digital akan diberikan keutamaan sejajar dengan hasrat untuk mencapai kelompok 12 teratas daya saing global menjelang 2033.

Dari aspek pembangunan insan, Malaysia merekodkan peningkatan dalam skor Indeks Pembangunan Manusia (HDI) kepada 0.819 pada 2025 dan mencatat kedudukan ke-67 pada peringkat global. Pelaburan berterusan dalam penjagaan kesihatan dan pendidikan serta pengurangan ketidaksamaan terus menjadi keutamaan bagi meletakkan negara dalam kelompok 25 teratas HDI. Bahagian pampasan pekerja (PP) mencatat 33.6% pada 2024 iaitu di bawah sasaran 45%. Inisiatif seperti Dasar Gaji Progresif dan peningkatan kemahiran akan terus diberikan keutamaan dalam meningkatkan pertumbuhan produktiviti bagi merapatkan jurang ini. Sementara itu, penyertaan wanita dalam pasaran buruh meningkat daripada 56.2% pada 2023 kepada 56.5% pada 2024. Langkah memperluas perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dengan

harga berpatutan, aturan kerja fleksibel serta program peningkatan kemahiran dan latihan semula merupakan faktor utama untuk mencapai kadar penyertaan tenaga buruh wanita sebanyak 60%.

Tatakelola kekal sebagai teras kepada pembaharuan kerangka Ekonomi MADANI bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial dan kemakmuran sejagat yang penting dalam mewujudkan negara berdaya tahan dan berdaya saing. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) kekal di tangga ke-57 dengan skor 50 pada 2024. Walau bagaimanapun, bagi mencapai kedudukan 25 teratas CPI menjelang 2033 seperti yang dinyatakan dalam Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional, 2024 – 2028 (NACS), Malaysia perlu mencatat skor antara 68 hingga 70. Dari aspek kemampanan fiskal, Malaysia telah mencatat kemajuan ketara dengan defisit fiskal berkurang secara berperingkat iaitu 5% daripada KDNK pada 2023 kepada 4.1% pada 2024 dan dijangka terus berkurang kepada 3.8% pada 2025. Penerusan pembaharuan fiskal dijangka dapat mencapai sasaran defisit 3% seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850].

RAJAH 1.1. Pencapaian Tujuh Penunjuk Prestasi Utama



Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030: Melakar Semula Pembangunan

Tema RMK13 “Melakar Semula Pembangunan” menandakan peralihan penting dalam naratif pembangunan sosioekonomi Malaysia seperti dalam Rajah 1.2. Rancangan pembangunan ini mencerminkan kesungguhan Malaysia untuk menyusun semula pembangunan sosioekonomi berdasarkan kerangka Ekonomi MADANI dalam mendepani ketidaktentuan global dan cabaran sosioekonomi domestik. Kerangka ini merangkumi tiga teras iaitu ‘Menaikkan Siling’ dengan memacu pertumbuhan ekonomi negara, ‘Menaikkan Lantai’ dengan meningkatkan taraf hidup rakyat dan memperkukuh tatakelola. Penyusunan semula ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi berasaskan penciptaan nilai dalam persekitaran mampan serta memperkukuh kerohanian

dan insaniah dalam membina sistem sosial yang kukuh berlandaskan kerangka dasar MADANI. Langkah ini menunjukkan keazaman Malaysia untuk membina daya tahan berikutan kepelbagaian sistem ekonomi global di samping meningkatkan ketersediaan Malaysia dalam mendepani pelbagai cabaran pada peringkat domestik dan global.

Dalam mencapai hasrat ini, RMK13 memfokuskan kepada empat tonggak iaitu memajukan kompleksiti ekonomi, meningkatkan mobiliti sosial, mempercepat pelaksanaan agenda pembaharuan perkhidmatan awam serta meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Pelan pembangunan ini dijangka melibatkan pelaburan yang signifikan dengan RM430 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan, manakala syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) akan melabur RM120 bilion dalam pelaburan langsung domestik (DDI). Di samping itu, projek pembangunan akan dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta (PPP) dalam tempoh lima tahun akan datang.

RAJAH 1.2 Wadah RMK13

Wadah RMK13 Melakar Semula Pembangunan

Strategi dan inisiatif di bawah RMK13 telah dijabarkan kepada tiga teras kerangka Ekonomi MADANI, iaitu menaikkan siling, menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola baik bagi merealisasikan tujuh aspirasi Ekonomi MADANI



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Kerajaan akan beralih daripada kebergantungan sumber kepada ekonomi penciptaan nilai yang didorong oleh AI, R&D&C&I, pendigitalan, industri pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) dan sektor strategik berimpak tinggi dalam memajukan kerencaman ekonomi. Malaysia juga akan memperkukuh kedudukan sebagai ekonomi berdaya saing dengan memanfaatkan pelbagai perjanjian multilateral, serantau dan dua hala dengan rakan dagang strategik bagi mempelbagaikan ekonomi Malaysia. Usaha ini menumpukan kepada pertanian pintar, teknologi digital, semikonduktor dan tenaga mampan.

Peluang peningkatan taraf sosioekonomi penting ke arah kualiti hidup yang lebih baik seterusnya menghasilkan individu lebih berdaya tahan dan masyarakat yang terangkum demi memelihara kesejahteraan rakyat. Matlamat ini dapat dicapai menerusi strategi menangani ketidaksamaan dalam pendapatan serta akses kepada pendidikan dan perkhidmatan asas melalui pelbagai usaha termasuk pembaharuan gaji yang menyeluruh dan peluasan perlindungan sosial bagi setiap lapisan masyarakat. Inisiatif tersebut menyediakan asas ke arah negara yang lebih terangkum dan makmur yang boleh meningkatkan mobiliti sosial dan mewujudkan peluang pertumbuhan ekonomi.

Malaysia bersedia untuk membangunkan kerajaan yang tangkas dan berpaksikan rakyat dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap dan telus melalui teknologi bagi mempercepat pelaksanaan pembaharuan perkhidmatan awam. Pendekatan seluruh kerajaan akan diperkukuh melalui pembaharuan perkhidmatan awam seperti pengenalan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867] (ILTIZAM)¹ untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan, menerapkan kebertanggungjawaban dan memulihkan kepercayaan awam.

Tinjauan

Ekonomi Global

Ekonomi global diunjur berkembang sederhana sebanyak 3% pada 2025 sebelum meningkat kepada 3.1% pada 2026. Unjuran ini disokong oleh pasaran buruh yang berdaya tahan, tekanan inflasi yang semakin mereda dan pendirian monetari akomodatif dalam kalangan ekonomi maju utama (IMF, 2025). Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka stabil manakala pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE) terutamanya di Asia akan terus memacu pengeluaran global disokong oleh permintaan domestik dan pelaburan yang kukuh. Walau bagaimanapun, risiko berpunca daripada ketegangan geopolitik yang memuncak, ketidakstabilan harga komoditi dan tenaga serta potensi peningkatan sekatan perdagangan boleh menjejaskan perdagangan global dan rantai bekalan. Malaysia perlu menangani cabaran tersebut di samping memperkukuh integrasi serantau dan meningkatkan daya saing memandangkan prospek pertumbuhan negara dipengaruhi oleh persekitaran global yang kompleks.

Ekonomi Domestik

Ekonomi dijangka berkembang antara 4% hingga 4.8% pada 2025 didorong oleh permintaan domestik yang kukuh. Dari sudut permintaan, perbelanjaan pengguna dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, pasaran buruh yang menggalakkan, program bantuan bersasar dan aktiviti pelancongan yang rancak. Momentum pelaburan akan diteruskan melalui pelaksanaan projek melangkaui tahun serta pengaliran masuk yang kukuh ke dalam segmen pertumbuhan tinggi seperti semikonduktor dan pusat data. Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terus menerajui

¹ Merujuk kepada kecekapan perkhidmatan, pembaharuan struktur dan kebertanggungjawaban tatakelola serta keberkesanan peraturan.

pertumbuhan. Sektor perkhidmatan akan dipacu oleh aktiviti pelancongan yang kukuh, perdagangan runcit yang dinamik dan peningkatan permintaan untuk perkhidmatan berkaitan perniagaan. Sementara itu, sektor pembuatan akan mendapat manfaat daripada permintaan semikonduktor yang semakin meningkat disumbangkan oleh pengembangan ekonomi digital dan peningkatan penggunaan aplikasi AI di peranti hujung (*AI edge applications*) serta prestasi kukuh dalam industri berorientasikan domestik.

Pada 2026, ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 4% hingga 4.5% disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan sektor luar yang stabil. Pertumbuhan akan dipacu oleh perbelanjaan pengguna yang didorong oleh pelaksanaan pelarasan gaji di bawah Fasa 2 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), penerusan program bantuan bersasar dan aktiviti pelancongan yang rancak sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Di samping itu, prestasi pelaburan yang kukuh akan disokong oleh peningkatan perbelanjaan modal terutamanya dalam sektor strategik berimpak tinggi. Sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan yang turut disokong oleh sektor pembinaan dan pertanian.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari pada 2025 akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi meskipun berdepan ketidaktentuan global di samping mengekalkan kestabilan harga domestik. Pada Julai 2025, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikurangkan daripada 3.00% kepada 2.75% sebagai langkah awalan untuk mengekalkan pertumbuhan stabil dengan prospek inflasi yang sederhana. Ringgit kekal berdaya tahan berbanding dolar AS disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh serta langkah berterusan untuk menggalakkan aliran

modal dan meningkatkan keyakinan pelabur. Berdasarkan ekosistem yang matang dan teguh, kewangan Islam terus berkembang pada peringkat domestik dan global melalui instrumen inovatif dengan menyediakan pelbagai saluran pembiayaan untuk program strategik di bawah pelan pembangunan negara. Melangkah ke hadapan, kerjasama berterusan yang kukuh antara Kerajaan, pengawal selia kewangan dan pemain industri menjadi faktor penting dalam memajukan digitalisasi, keterangkuman kewangan dan pembiayaan mampan bagi menyokong pembangunan jangka masa panjang.

Kedudukan Semasa Belanjawan 2025

Belanjawan 2025 memberikan tumpuan kepada menjana perubahan, membugar ekonomi dan memakmurkan rakyat. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM421 bilion yang merangkumi RM335 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM86 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Tumpuan 1: Menjana Perubahan ke Puncak Makna

Belanjawan 2025 mengutamakan pembangunan berpaksikan rakyat meliputi infrastruktur logistik dan pengangkutan, utiliti awam, mitigasi banjir, tenaga boleh baharu serta pelancongan. Sehingga akhir Ogos 2025, sebanyak RM2.8 bilion atau 82.9% daripada RM3.4 bilion peruntukan telah dibelanjakan untuk 34 projek pengangkutan dan logistik. Dalam tempoh yang sama, 99.9% daripada RM2.1 bilion yang diperuntukkan untuk Rapid Transit System Link (RTS Link) dan Penang LRT Mutiara Line telah dibelanjakan. Di samping itu, beberapa projek nasional utama di Sabah dan Sarawak sedang dilaksanakan iaitu Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dengan

perbelanjaan sebanyak RM1.2 bilion, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (RM281.1 juta) dan Sarawak Sabah Link Road (SSLR) Fasa 2 (RM217.5 juta). Selain itu, lebih daripada RM620 juta telah dibelanjakan untuk 12 projek tebatan banjir di kawasan berisiko tinggi di pelbagai negeri.

Beberapa projek berpaksikan rakyat bernilai RM14.4 bilion juga sedang dibangunkan menggunakan kaedah PPP. Projek tersebut termasuk pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 di Johor, West Ipoh Span Expressway (WISE) antara Gopeng dengan Kuala Kangsar di Perak dan West Coast Expressway (WCE) dari Banting, Selangor ke Gelang Patah, Johor.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri telah bekerjasama dalam melaksanakan projek pembangunan utama melibatkan kesalinghubungan pengangkutan, ekonomi hijau dan pembuatan maju dengan peruntukan sebanyak RM37.5 bilion bagi memastikan pembangunan lebih seimbang merentas semua negeri. Projek tersebut terdiri daripada RTS Johor-Singapura; pembesaran Pelabuhan Klang dan pelebaran jalan Lingkaran Pulau Indah dan Pelabuhan Utara Klang di Selangor; peluasan Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah; dan Loji Rawatan Air Machang di Kelantan; serta kerjasama dalam projek tenaga boleh baharu termasuk Ladang Solar Terapung Hidro Hibrid Kenyir (HHFS) dan hab hidrogen hijau di Terengganu. Sementara itu, projek berkaitan pelancongan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM103.8 juta dalam tempoh yang sama.

Kerajaan menekankan pengukuhan tatakelola dan rangka kerja institusi yang menjadi bidang fokus utama Belanjawan 2025 bagi memastikan projek dilaksanakan dengan cekap. Di samping itu, Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan dan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat yang baru diluluskan pada 2025 akan memperkukuh akauntabiliti dan ketelusan kerajaan. Pada masa yang sama, pindaan Akta

Audit 1957 [Akta 62] memperluas liputan audit Ketua Audit Negara yang turut merangkumi entiti yang menerima dana awam, pinjaman atau jaminan kewangan. Jabatan Audit Negara menggabungkan metodologi pengauditan terkini dan dinamik untuk memenuhi keperluan era digital dalam mempertingkatkan ketelusan dan keberkesanan. Sementara itu, pembaharuan institusi juga dilaksanakan bagi mengurangkan pertindihan fungsi antara entiti kerajaan dan menambah baik keberkesanan operasi seperti penggabungan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Pembaharuan juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menyasarkan subsidi. Program subsidi diesel bersasar di Semenanjung Malaysia telah disokong dengan pelaksanaan program BUDI MADANI untuk membantu pengguna diesel yang disasarkan melalui pemindahan tunai langsung atau kuota diesel. Sehingga akhir Ogos 2025, lebih daripada 280,000 penerima individu termasuk petani dan pekebun kecil serta lebih daripada 148,000 syarikat mendapat manfaat daripada program ini.

Di samping itu, pembaharuan tarif elektrik dilaksanakan pada Julai 2025. Tarif asas elektrik yang baharu menggabungkan insentif kecekapan dan mekanisme berperingkat mencerminkan harga semasa bahan api global dengan majoriti pengguna domestik dijangka mendapat manfaat daripada pengurangan sehingga 19% dalam bil elektrik. Mekanisme tarif baharu ini akan menambah baik ketepatan pemantauan tenaga, meningkatkan ketelusan dan memastikan agihan kos lebih adil kepada pengguna.

Kerajaan memanfaatkan platform teknologi dan menggalakkan penerimgunaan AI untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam melalui kerjasama dengan ahli akademik dan industri. Justeru, Pejabat AI Kebangsaan (NAIO) telah ditubuhkan untuk mempercepat

penerimgunaan AI, menggalakkan inovasi dan memastikan pembangunan AI yang beretika. Bagi tujuan tersebut, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan kepada NAIIO dengan 42% telah dibelanjakan sehingga akhir Ogos 2025. Pada masa ini, NAIIO sedang membangunkan beberapa dokumen dasar termasuk Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030, Kerangka Kawal Selia Penerimaan AI dan Kod Etika AI. Pada peringkat serantau, Malaysia telah menerajui penubuhan Rangkaian Keselamatan AI ASEAN bagi memperkukuh kerjasama dan menggerakkan kepakaran untuk memajukan pembangunan AI yang selamat dan terjamin dalam kalangan negara jiran.

Tumpuan 2: Membugar Ekonomi ke Medan Jaya

Antara strategi utama yang memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) bagi memperkukuh sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan dengan meningkatkan nilai ditambah sebanyak 6.5% setahun dengan sasaran RM587.5 bilion menjelang 2030. Belanjawan 2025 memperuntukkan RM131.5 juta sebagai dana permulaan untuk memudah cara pelaburan dalam inisiatif pembangunan industri di bawah Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF) dalam memangkin pelaksanaan transformasi ini. Sehingga akhir Ogos 2025, CoSIF telah menarik pelaburan hampir RM25 juta dalam industri bernilai tinggi terutamanya semikonduktor, pusat data dan pengkomputeran awan.

Kejayaan syarikat pemula dalam sesebuah negara ditunjukkan melalui inovasi dan daya saing. Kemajuan Malaysia dalam menggalakkan syarikat pemula telah menunjukkan peningkatan dalam pelbagai aspek. Global Startup Ecosystem Report 2025 oleh Startup Genome menunjukkan kedudukan negara dalam kategori Ekosistem Baru Muncul meningkat tiga anak tangga

ke kedudukan ke-18 berbanding 2024. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menyokong sepenuhnya pengembangan syarikat pemula dengan mewujudkan ekosistem lebih kondusif.

Program KL20 merupakan inisiatif utama untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai antara 20 hab syarikat pemula global teratas menjelang 2030 dengan memanfaatkan pasaran pertumbuhan tinggi Malaysia, infrastruktur digital yang kukuh, kumpulan bakat mahir dan komuniti syarikat pemula yang rancak. Taman Reka Bentuk IC Semikonduktor Malaysia merupakan antara projek yang sedang berjalan di bawah KL20 dengan sasaran pengambilan 300 jurutera menjelang akhir 2025 termasuk 134 sehingga akhir Ogos 2025. Pada tempoh yang sama, kemajuan ketara dicapai dengan hampir 90% daripada sasaran 5,000 syarikat pemula telah didaftarkan melalui platform MYStartup.

Inisiatif utama seperti Dana Perintis KWAP dan Jelawang Capital Khazanah telah dilancarkan bagi menyokong sepenuhnya perluasan syarikat pemula tempatan. Dana Perintis KWAP telah diperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk menerajui ekosistem syarikat pemula tempatan manakala Jelawang Capital Khazanah menubuhkan National Fund-of-Funds dengan modal RM300 juta untuk pengurus dana modal teroka memperluas pelaburan syarikat pemula.

Strategi transformasi digital Malaysia telah berjaya menarik pelaburan firma terkemuka seperti Amazon Web Services, Google, Microsoft dan Oracle dengan komitmen berjumlah USD16.9 bilion. Perluasan eksport juga disokong melalui geran bayaran balik di bawah Geran Pembangunan Pasaran untuk membantu perniagaan mempromosi produk dan perkhidmatan eksport serta mengakses pasaran antarabangsa terutamanya di Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah. Sehingga akhir Ogos 2025, sebanyak 77.5% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan RM40 juta.

Landskap tenaga Malaysia sedang ditambah baik melalui pembangunan projek rintis perdana tenaga boleh baharu. Projek HHFS di Terengganu akan menjadi fasiliti solar hidro hibrid terbesar di Malaysia dengan pelancaran projek rintis berkapasiti 100kW. Inisiatif ini dilengkapi oleh hab hidrogen hijau Kenyir melalui usaha sama antara PETRONAS dengan TNB yang bakal menghasilkan hidrogen hijau menggunakan tenaga boleh baharu daripada HHFS. Projek HHFS Kenyir dan hab hidrogen hijau akan menjadi sebahagian daripada Koridor Kenyir-Kerteh dan dihubungkan dengan Grid Kuasa ASEAN sekali gus meningkatkan perdagangan tenaga serantau.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah di bawah Belanjawan 2025 untuk meningkatkan keterjaminan makanan dan memperkukuh sektor komoditi. Sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan bagi meningkatkan keterjaminan makanan melalui inisiatif seperti penanaman bawang di Perak, penternakan ikan tilapia merah di Pahang dan peningkatan hasil padi di Negeri Sembilan. Sehingga akhir Ogos 2025, lebih daripada RM280 juta telah dibelanjakan bagi inisiatif tersebut. Sementara itu, Kerajaan telah membelanjakan RM1.4 bilion sehingga akhir Ogos bagi menyokong pekebun kecil kelapa sawit dan getah termasuk program penanaman semula serta pengurusan perosak dan penyakit tanaman.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) sedang menggerakkan pembiayaan komuniti di bawah program Wakaf MARA MADANI untuk memperkukuh kesejahteraan sosial dan memperluas peluang ekonomi untuk rakyat. Program ini melibatkan sumbangan daripada sektor korporat dan individu yang pernah menerima manfaat daripada MARA dengan tumpuan diberikan kepada penyaluran dana pendidikan, keusahawanan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, kebajikan sosial dan aset wakaf. Sehingga akhir Ogos 2025, sebanyak RM54.7 juta telah diterima oleh program ini.

Khazanah sedang melaksanakan projek untuk memulihkan landskap sejarah dan budaya Kuala Lumpur terutamanya membaik pulih Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara bagi memastikan warisan, seni dan budaya Malaysia terus dipelihara. Hampir 33% daripada komitmen RM230 juta untuk 2025 telah disalurkan sehingga akhir Ogos. Sementara itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM550 juta untuk aktiviti promosi, program seni dan budaya serta meningkatkan kesalinghubungan penerbangan ke Malaysia sebagai persediaan untuk VM2026. Sehingga akhir Ogos 2025, lebih daripada 90% telah dibelanjakan untuk program ini. Sebanyak RM110 juta telah diperuntukkan untuk menggalakkan aktiviti pelancongan seperti menaik taraf tempat tarikan pelancongan, memperkukuh perkongsian ekopelancongan dan pencalonan UNESCO antaranya Tapak Warisan Perlombongan Bijih Timah Sungai Lembing di Pahang serta perarakan kebudayaan Chingay dan tarian singa. Sehingga akhir Ogos 2025, sebanyak 61.3% telah dibelanjakan bagi aktiviti ini.

Tumpuan 3: Mensejahtera Rakyat ke Tahap Bahagia

Kerajaan terus memperkukuh perlindungan sosial, memastikan jaminan pekerjaan dan menyokong keusahawanan bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Sebanyak RM13 bilion di bawah Belanjawan 2025 telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan program bantuan tunai Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Program STR terus memanfaatkan 9 juta penerima termasuk 5.4 juta yang turut menikmati faedah tambahan di bawah program SARA. Di samping itu, tambahan RM2 bilion telah diperuntukkan pada Julai 2025 untuk inisiatif Penghargaan SARA RM100 One-off yang memanfaatkan 22 juta rakyat Malaysia berumur 18 tahun dan

ke atas. Kaedah pembayaran ditambah baik kepada sistem penyampaian yang lebih lancar dengan menggunakan MyKad bagi memastikan jangkauan komprehensif program ini.

Pendekatan pelbagai dimensi diperlukan bagi melengkapi usaha perlindungan sosial demi menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan. Sejumlah RM2 bilion telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2025 untuk menaik taraf sekolah di seluruh negara termasuk mengubah suai bilik darjah daif serta menaik taraf infrastruktur dan kemudahan yang rosak termasuk kemudahan asas. Organisasi swasta dan GLC juga turut terlibat dalam menaik taraf kemudahan lain di sekolah. Di samping itu, 44 sekolah baharu di awal pembangunan sehingga akhir Ogos 2025. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk memperluas capaian internet ke sekolah di kawasan kampung dan terpencil dalam menyokong agenda nasional bagi merapatkan jurang digital di seluruh negara melalui Program Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap ke Sekolah-sekolah Luar Bandar.

Sekitar RM1.4 bilion telah diperuntukkan untuk menyelenggara dan menaik taraf kemudahan penjagaan kesihatan awam dengan RM300 juta untuk membina semula dan menaik taraf klinik daif pada 2025. Di samping itu, RM100 juta telah diperuntukkan di bawah Skim Perubatan MADANI untuk menyediakan rawatan pesakit luar percuma kepada kumpulan pendapatan B40 di klinik swasta yang mengambil bahagian dengan memanfaatkan lebih daripada 320,000 penerima sehingga akhir Ogos 2025. Sementara itu, RM80 juta telah diperuntukkan di bawah program PeKa B40 bagi menyediakan saringan penjagaan kesihatan kepada kumpulan pendapatan B40. Sehingga akhir Ogos 2025, sekitar 220,000 individu telah mendapat manfaat daripada program ini bagi memperluas capaian penjagaan kesihatan kepada golongan rentan.

Kerajaan juga melabur dalam infrastruktur luar bandar dan perumahan mampu milik untuk merapatkan jurang pembangunan wilayah. Belanjawan 2025 memberikan tumpuan kepada penyediaan rumah yang sesuai dan selesa untuk masyarakat luar bandar dan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan. Inisiatif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion untuk menaik taraf infrastruktur asas, RM100 juta untuk operasi klinik kesihatan bergerak dan RM376 juta untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Sejumlah RM900 juta juga diperuntukkan untuk Program Residensi Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat yang memanfaatkan lebih 50% daripada 17,500 penerima yang disasarkan dalam separuh pertama 2025. Kerajaan juga memberikan keutamaan kepada kesejahteraan penjawat awam dengan menyediakan kuarters kerajaan di seluruh negara.

Gaji minimum nasional telah dinaikkan kepada RM1,700 sebulan bermula 1 Februari 2025 sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam meningkatkan mobiliti sosial rakyat dan memastikan jaminan pekerjaan. Selain itu, sokongan bersasar untuk pekerja tidak formal dan pekerja gig telah diperluas yang merangkumi skim caruman sukarela i-Saraan di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dalam separuh pertama 2025, lebih daripada 480,000 pekerja telah menyertai skim ini.

Sebanyak RM11.4 bilion telah diagihkan melalui skim pembiayaan mikro di bawah pelbagai entiti termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, MARA dan TEKUN Nasional dalam menyokong pembangunan keusahawanan. Skim tersebut telah memanfaatkan lebih daripada 73,000 PMKS untuk modal kerja dan pengembangan perniagaan sekali gus meningkatkan produktiviti. Di samping itu, RM64.6 juta telah diagihkan untuk memperkasakan penyertaan wanita dalam PMKS manakala RM7.5 juta

telah dibelanjakan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan cekap tenaga dalam kalangan pemain industri tempatan.

Pengurusan Ekonomi

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal mampan didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, aktiviti pelaburan yang berterusan serta perdagangan luar yang stabil. Kerajaan kekal teguh dalam memastikan pengurusan ekonomi yang kukuh dan seimbang bagi mendepani persekitaran global yang semakin mencabar. Penyediaan dasar fiskal akan terus berpegang kepada prinsip tanggungjawab dan responsif dengan tumpuan terhadap peluasan asas hasil, peningkatan kecekapan perbelanjaan dan memastikan kemampanan fiskal. Usaha tersebut dilengkapi dengan inisiatif sedia ada untuk mempercepat pembaharuan struktur, meluaskan peluang ekonomi serta menjamin perlindungan sosial ke arah mencapai ekonomi yang berdaya tahan.

Pada masa yang sama, penekanan akan diberikan kepada produktiviti dan daya saing melalui inovasi, digitalisasi dan peralihan hijau selaras dengan aspirasi pembangunan Malaysia. Kerajaan akan memastikan kemajuan ekonomi diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat dengan menangani peningkatan kos sara hidup, memperkukuh pasaran buruh dan menggalakkan pertumbuhan secara terangkum dalam semua segmen masyarakat. Secara kolektif, langkah tersebut akan memperkukuh asas ekonomi Malaysia, mengekalkan keyakinan pelabur serta meletakkan Malaysia pada landasan yang tepat ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi yang terangkum.

Peluang dan Cabaran

Ekonomi

Ketidaktentuan Ekonomi Global

Ekonomi global terus berhadapan dengan ketidaktentuan terutamanya berpunca daripada dasar perdagangan AS, ketegangan geopolitik dan bencana berkaitan iklim yang berpotensi mengganggu rantaian bekalan global. Walaupun cabaran ini terus menimbulkan risiko ke atas ekonomi, namun dalam masa yang sama turut menyediakan peluang untuk meletakkan semula Malaysia pada persada antarabangsa. Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menarik pelaburan dan menyokong rantaian pengeluaran yang pelbagai dipacu oleh infrastruktur, tenaga kerja mahir dan rangka kerja kawal selia yang kukuh. Kelebihan ini memberikan peluang kepada negara untuk mengimbangi impak ekonomi global, memperkukuh integrasi serantau dan meningkatkan lagi daya tahan ekonomi.

Pelaburan dan Daya Saing

Asas ekonomi yang kukuh meletakkan Malaysia dalam kedudukan untuk menarik pelaburan berkualiti dan meningkatkan daya saing dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Situasi ini juga menyediakan peluang kepada negara dalam bidang berpotensi seperti industri digital, halal dan semikonduktor disokong oleh lokasi strategik, infrastruktur maju dan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Di samping itu, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) akan memangkin negara untuk menjadi hab pertumbuhan ekonomi serantau dalam bidang tersebut. Pada masa yang sama, persaingan sihat daripada rakan serantau mendorong Malaysia untuk

memperhalusi tawaran nilai, meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan dan menarik pelaburan berkualiti. Perkembangan tersebut bukan sahaja mendorong kemajuan ekonomi bahkan mewujudkan lebih banyak pekerjaan mahir dan meningkatkan pendapatan rakyat.

Persekitaran politik yang stabil juga menyediakan asas kukuh untuk melaksanakan pembaharuan struktur bagi memastikan kesinambungan dasar. Berdasarkan kelebihan sedia ada, negara bersedia untuk memacu pertumbuhan bernilai tinggi yang diterajui inovasi yang menyokong daya tahan jangka masa panjang, kemampunan dan kemakmuran bersama. Inisiatif di bawah NIMP 2030, NETR, Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan pelbagai langkah berimpak lain di bawah RMK13 diperkenalkan sebagai pelengkap untuk mempertingkatkan produktiviti dan menggerakkan negara menjadi antara 12 ekonomi paling berdaya saing. Kedudukan ini akan meningkatkan keyakinan pelabur dan aliran masuk modal serta memperkukuh kerjasama serantau dan hubungan perdagangan.

Kemampunan Fiskal

Dasar fiskal yang mampan penting dalam menyokong pertumbuhan jangka masa panjang yang terangkum. Kerajaan berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 5.5% pada 2022 kepada 4.1% daripada KDNK pada 2024 dan akan dikurangkan lagi kepada 3% dalam jangka masa sederhana yang disokong oleh pelbagai pembaharuan fiskal. Dalam hal ini, Akta 850 menumpukan kepada tanggungjawab, akauntabiliti dan ketelusan untuk menambah baik pengurusan fiskal

seterusnya memastikan kewangan awam negara yang kukuh. Usaha juga akan dipergiat untuk meningkatkan hasil, mengurangkan pembaziran dan memastikan pengurusan hutang yang berhemah. Kedudukan fiskal yang lebih kukuh membolehkan negara mencapai agenda pembangunan nasional dan mendepani cabaran ekonomi. Dasar fiskal berhemat yang disokong oleh inisiatif ekonomi yang strategik membuktikan kesungguhan Kerajaan ke arah mencapai aspirasi Ekonomi MADANI.

Perniagaan

Bidang Pertumbuhan Ekonomi Baharu

Industri baru muncul mempengaruhi corak hala tuju ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Ekonomi digital seperti AI, pengkomputeran awan, teknologi 5G dan e-dagang terus berkembang pesat manakala ekonomi hijau dipacu oleh tenaga boleh baharu, ekosistem kenderaan elektrik (EV) dan teknologi bateri. Perniagaan mendapat manfaat daripada peningkatan kecekapan dan peluasan pasaran melalui Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, NSS dan penggubalan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030. Selaras dengan peluang dan cabaran PMKS dalam mengguna pakai teknologi digital, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan dalam infrastruktur digital terutamanya di kawasan luar bandar serta memberikan sokongan dan khidmat nasihat kepada PMKS di samping meningkatkan tatakelola AI dan rangka kerja keselamatan siber. Selain itu, industri khusus seperti pelancongan perubatan, bioteknologi dan agroteknologi akan terus diberikan tumpuan bagi meningkatkan pertumbuhan sektor serta mewujudkan pekerjaan mahir.

SISIPAN 1.1

Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan

Kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia & Bursa Malaysia

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, ekosistem kemampanan pada peringkat global telah mengalami perkembangan dan pertumbuhan yang pesat. Sehingga kini, sebanyak 36 negara telah bergerak ke arah menerima pakai atau selari dengan Piawaian Penzahiran Kemampanan IFRS¹ (IFRS SDS) yang mewakili lebih 60% daripada KDNK global iaitu lebih 40% daripada permodalan pasaran saham dunia serta hampir separuh daripada jumlah pelepasan gas rumah kaca global. Perkembangan ini terutamanya didorong oleh peningkatan permintaan terhadap amalan kemampanan atau ESG yang lebih kukuh serta penzahiran yang lebih menyeluruh oleh perniagaan. Keperluan ini datang daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk pengawal selia, pelabur institusi, pemberi pinjaman, pelanggan dan NGO. Seajar dengan tumpuan global yang semakin meningkat terhadap kewangan mampan dan ketelusan ESG, Malaysia mengiktiraf kepentingan untuk membangunkan rangka kerja pelaporan kemampanan yang komprehensif dan selaras dengan piawaian antarabangsa. Justeru, Malaysia telah mengambil langkah penting untuk memperkukuh keperluan pelaporan kemampanan syarikat.

Ekosistem Pelaporan Kemampanan Malaysia

Perjalanan Malaysia ke arah pelaporan kemampanan secara formal bermula pada Oktober 2015 apabila Bursa Malaysia mula memperkenalkan keperluan penzahiran ESG dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian². Langkah ini menandakan satu pencapaian penting dalam menjadikan isu kemampanan sebagai tanggungjawab korporat. Pada September 2022, Bursa Malaysia mewajibkan semua penerbit yang tersenarai di Pasaran Utama untuk menyediakan penzahiran berkaitan iklim selaras dengan saranan Pasukan Petugas Khas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD)³ bermula bagi tahun kewangan yang berakhir pada atau selepas 31 Disember 2025. Selaras dengan peningkatan keperluan terhadap pelaporan kemampanan, Bank Negara Malaysia (BNM) turut memperkenalkan Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA)⁴ bagi institusi kewangan untuk menyediakan penzahiran iklim seajar dengan TCFD bermula 1 Januari 2024. Usaha ini memperkukuh penjajaran antara penilaian risiko sektor kewangan dengan piawaian pelaporan berkaitan iklim global.

Pelaporan kemampanan bagi syarikat tidak tersenarai dibuat secara sukarela. Walau bagaimanapun, Akta Syarikat 2016 [Akta 777] menyediakan asas untuk penzahiran yang lebih meluas dengan memperuntukkan bahawa laporan pengarah boleh merangkumi ulasan perniagaan sekiranya perlu untuk memberikan pemahaman jelas mengenai pembangunan, prestasi atau kedudukan syarikat. Ulasan perniagaan ini juga boleh mengandungi maklumat mengenai risiko dan ketidakpastian utama serta isu alam sekitar, sosial dan komuniti. Justeru, pendekatan ini memberikan peluang kepada syarikat tidak tersenarai untuk melaporkan maklumat kemampanan secara lebih berstruktur walaupun tanpa mandat rasmi.

Perkembangan tersebut menyediakan asas kukuh bagi pendekatan bersepadu pada peringkat kebangsaan yang membawa kepada pembangunan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF) selaras dengan IFRS SDS yang mengguna pakai sepenuhnya saranan TCFD. Penyelarasan keperluan kawal selia

¹ IFRS – International Financial Reporting Standard


² Keperluan penzahiran ESG yang diperkenalkan pada Oktober 2015 telah dimasukkan ke dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian bagi Pasaran Utama dan Pasaran ACE.

³ TCFD ialah rangka kerja global yang menyediakan panduan kepada syarikat dalam melaporkan risiko dan peluang kewangan berkaitan iklim. Ia membantu meningkatkan ketelusan kepada pelabur dengan memberi tumpuan kepada aspek tadbir urus, strategi, pengurusan risiko serta metrik berkaitan iklim.

⁴ CRMSA menyediakan panduan kepada institusi kewangan untuk mengurus risiko berkaitan iklim serta menilai kesannya melalui analisis senario.

tempatan dengan piawaian antarabangsa ini meningkatkan kebolehbandingan dan kebolehpercayaan maklumat kewangan berkaitan kemampunan. Rangka kerja ini dibangunkan dan dilancarkan secara rasmi pada September 2024 oleh Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampunan (ACSR) dengan sokongan Kementerian Kewangan (MoF). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan turut dianggotai oleh BNM, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pemantauan Audit (AOB) dan Yayasan Laporan Kewangan (FRF). Ringkasan garis masa ekosistem pelaporan kemampunan di Malaysia sejak diperkenalkan adalah seperti dalam Rajah 1.1.1. Bagi menyokong inisiatif ini, MoF turut menyediakan potongan cukai sehingga RM50,000 setahun bagi perbelanjaan berkaitan pelaporan ESG dan pematuhan kemampunan bagi tahun taksiran 2024 sehingga 2027.

RAJAH 1.1.1. Ekosistem Pelaporan Kemampunan Malaysia



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bagi memastikan syarikat di Malaysia kekal relevan seiring dengan peningkatan permintaan global terhadap pelaporan kemampunan yang kukuh, Malaysia telah mewajibkan penggunaan IFRS SDS melalui NSRF, khususnya:

- IFRS S1 - Keperluan Am untuk Penzahiran Maklumat Kewangan berkaitan Kemampunan
- IFRS S2 - Penzahiran berkaitan Iklim.


Keperluan Pelaporan Kemampunan

Bursa Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan daya saing pasaran modal Malaysia dengan menambah baik keperluan pelaporan kemampunan secara berterusan bagi kedua-dua Pasaran Utama dan ACE⁵. Penambahbaikan ini bertujuan mengukuhkan daya tahan perniagaan serta memudahkan rujukan para pelabur dan kebolehbandingan maklumat. Sehubungan itu, NSRF

⁵ Pasaran ACE (Access, Certainty, Efficiency Market) ialah pasaran berasaskan penaja yang direka khusus bagi syarikat dengan prospek pertumbuhan. Pasaran ini dahulunya dikenali sebagai Pasaran MESDAQ

meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban syarikat tersenarai dalam pengurusan risiko dan peluang berkaitan kemampunan dengan menggunakan piawaian yang diiktiraf global. Pelaksanaan NSRF melalui pendekatan pembangunan berperingkat mencerminkan tahap kebolehsesuaian syarikat yang berbeza dalam melaksanakan piawaian kemampunan adalah seperti dalam Rajah 1.1.2.

RAJAH 1.1.2. *Garis Masa Pelaksanaan NSRF*



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Selaras dengan NSRF, Bursa Malaysia Securities Berhad telah mengeluarkan keperluan pelaporan kemampunan yang ditambah baik di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama dan ACE pada Disember 2024. Keperluan baharu ini memerlukan penerbit tersenarai menyediakan Penyata Kemampunan dalam laporan tahunan mengikut IFRS SDS yang merangkumi:

- metrik dan sasaran yang menunjukkan prestasi dan kemajuan syarikat tersenarai dalam mengurus risiko serta peluang berkaitan kemampunan bagi tiga tahun kewangan terakhir secara berturut beserta ringkasan dalam format yang ditetapkan; dan
- penyataan Penyata Kemampunan tersebut telah disemak sama ada oleh juruaudit dalaman atau juruaudit bebas mengikut piawaian jaminan yang diiktiraf.

Bursa Malaysia turut membangunkan Penyelesaian Perisikan Kemampunan Berpusat (CSI Solution) sebagai saluran pelaporan kemampunan rasmi bagi semua syarikat tersenarai. Platform sesawang ini bukan sahaja menyokong syarikat tersenarai dalam memenuhi keperluan penzhiran kemampunan dan iklim di bawah IFRS S1 dan S2, malah turut menyediakan modul khusus serta kalkulator karbon Skop 1 dan Skop 2.

Sejajar dengan inisiatif tersebut, BNM telah menambah baik dokumen dasar CRMSA pada Mac 2025 agar selari dengan keperluan NSRF serta melibatkan kesemua institusi kewangan yang belum menerima pakai NSRF berkuat kuasa tahun kewangan 2027.

Kesan dan Manfaat kepada Perniagaan

Rangka kerja NSRF memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat di Malaysia menyediakan maklumat kemampanan yang telus, seragam dan boleh dibandingkan. Rangka kerja ini menyokong komitmen negara untuk meningkatkan keyakinan pelabur dan menarik aliran modal tanggungjawab berjangka masa panjang. Maklumat kemampanan yang sahih dan seragam dapat meningkatkan ketelusan pasaran kewangan, memudahkan keputusan pelaburan dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan berdaya saing serta berwibawa dalam ekosistem kewangan mampan global. Pada Jun 2025, Yayasan *IFRS* telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara ASEAN tunggal yang mengguna pakai piawaian Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (ISSB)⁶ sekali gus menunjukkan pengiktirafan antarabangsa terhadap komitmen kemampanan Malaysia.

Keperluan pelaporan ini bukan sahaja menjadi satu langkah pematuhan syarikat tersenarai malah merupakan peluang strategik untuk menerapkan amalan kemampanan ke dalam operasi teras perniagaan. Keperluan untuk menzahirkan metrik utama, sasaran dan kemajuan bagi inisiatif kemampanan yang penting akan dapat memupuk budaya kebertanggungjawaban dan berpandangan jauh. Langkah ini dapat membantu syarikat mengurus risiko berkaitan kemampanan dengan lebih berkesan serta merebut peluang baharu dalam ekonomi rendah karbon dari semasa ke semasa, sekali gus memperkukuh daya tahan dan prestasi korporat.

Walaupun tumpuan utama penerapan IFRS SDS adalah kepada syarikat tersenarai, namun syarikat tidak tersenarai khususnya yang mempunyai kepentingan ekonomi perlu mengenal pasti dan mengurus secara berkesan risiko serta peluang kemampanan bagi mengekalkan daya tahan perniagaan dan kelebihan daya saing. Oleh itu, syarikat besar tidak tersenarai dengan hasil tahunan RM2 bilion dan ke atas turut dimasukkan dalam skop NSRF disebabkan oleh lokasi operasi yang luas serta pendedahan kepada risiko peralihan. Sehingga Jun 2025, syarikat di bawah skop ini mewakili 22% daripada keseluruhan syarikat besar tidak tersenarai⁷.

Penerapan NSRF yang seragam juga menggalakkan kebolehbandingan merentasi industri dan pasaran di samping mengurangkan pertindihan serta kerumitan pelaporan. Keseragaman ini memudahkan tafsiran data oleh pelabur, agensi penarafan dan pihak berkepentingan selain menggalakkan penambahbaikan berterusan dan menjadi penanda aras dalam kalangan syarikat. Kesan penambahbaikan tersebut menyumbang kepada sektor korporat yang lebih telus, berdaya tahan dan tersedia masa hadapan sejajar dengan jangkaan pasaran dan keutamaan pembangunan mampan negara.

Sokongan Pelaksanaan dan Perancangan Masa Hadapan

Perbezaan tahap kematangan syarikat dalam penerbitan pelaporan kemampanan telah mendorong ACSR menerapkan mekanisme kesepadanan di bawah IFRS SDS ke dalam NSRF sebagai panduan penzahiran yang berkaitan seperti berikut:


- a. membolehkan entiti berkenaan menggunakan maklumat sokongan yang munasabah dan tersedia tanpa kos dan usaha berlebihan. Dalam hal ini, syarikat tersebut boleh menggunakan pendekatan kualitatif bagi keadaan tertentu di bawah IFRS S1 dan S2; dan
- b. membolehkan entiti berkenaan untuk mengambil kira kemahiran, keupayaan dan sumber sedia ada semasa menyediakan pelaporan apabila terdapat ketidakpastian yang ketara dalam pengukuran atau keberhasilan.

⁶ Pengiktirafan tersebut dibuat melalui laporan IFRS bagi negara Malaysia pada 12 Jun 2025

⁷ Merujuk kepada syarikat tidak tersenarai yang melebihi had Syarikat Tier Pertengahan (Mid-Tier Companies) dengan hasil tahunan sebanyak RM500 juta dan ke atas seperti yang ditakrifkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Peruntukan tersebut terpakai bagi maklumat yang diperlukan semasa melaporkan penzahiran berkaitan bagi tujuan menyokong entiti memenuhi kehendak Piawaian seperti dalam Rajah 1.1.3.

RAJAH 1.1.3. Mekanisme kesepadanan untuk mudah cara penerimaan



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Jawatankuasa ACSR juga membenarkan entiti berkaitan memanfaatkan kelonggaran peralihan tambahan seperti dalam Rajah 1.1.4. Rangka kerja NSRF menyediakan kelonggaran ini bagi mudah cara peralihan ke arah penggunaan penuh IFRS SDS bagi tempoh pelaporan berkaitan.

RAJAH 1.1.4. Kelonggaran peralihan tambahan

Kelonggaran peralihan tambahan (ATR) berkuat kuasa mulai tempoh pelaporan tahunan pertama bagi entiti berkenaan		Tempoh kelonggaran	
		Kumpulan 1 & 2	Kumpulan 3
 ATR 1 Entiti berkenaan dibenarkan menzahirkan maklumat risiko dan peluang berkaitan iklim sahaja (selaras dengan IFRS S2) dan hanya menerapkan keperluan IFRS S1 yang berkaitan dengan penzahiran maklumat mengenai risiko dan peluang berkaitan iklim.	ATR 1	2 tahun	3 tahun
	ATR 2 Entiti berkenaan dibenarkan menumpukan kepada penyediaan penzahiran berkaitan iklim bagi segmen perniagaan utama.		
	ATR 3 Entiti berkenaan dibenarkan untuk tidak menzahirkan pelepasan GHG Skop 3 (IFRS S2 Perenggan C4(b)) kecuali bagi kategori yang diwajibkan oleh pengawal selia masing-masing.		

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Bagi menyokong keupayaan syarikat tersenarai mengguna pakai NSRF, SC telah mengeluarkan dokumen sokongan pelaksanaan berbentuk panduan ringkas bertajuk 'Navigating the Transition: A Guide for Boards (Board Guide)'. Panduan ini menyediakan langkah yang mudah difahami dan praktikal kepada lembaga pengarah berhubung tadbir urus, sempadan data, penilaian impak kewangan dan integrasi dengan sistem pengurusan risiko perusahaan.

Selain itu, ACSR memberikan tumpuan kepada program pembangunan kapasiti dan penyediaan alat sokongan bagi membantu syarikat menggunakan IFRS SDS. Langkah tersebut akan dilaksanakan melalui inisiatif yang dikenali sebagai PACE (Dasar, Andaian, Kalkulator, dan Pendidikan) yang merupakan hab sokongan pelaksanaan bagi NSRF. Inisiatif PACE antara lain akan:

- a. mengendalikan program pembangunan kapasiti yang merangkumi Program Penyedia NSRF;
- b. menyediakan bahan pendidikan, panduan, alat dan kalkulator pelepasan karbon berkaitan NSRF;
- c. menawarkan bantuan terperinci; dan
- d. menetapkan andaian utama dan penzahiran.

Melangkah ke hadapan, PACE akan menerbitkan Laporan Kemampanan Ilustratif untuk sektor tertentu sebagai panduan dan asas pelaporan. Laporan ini akan merangkumi andaian risiko yang mungkin berkaitan dengan entiti dan industri terlibat. Sehingga Julai 2025, PACE telah menerbitkan draf laporan bagi sektor perladangan dan pembinaan.

Kesimpulan

Pembangunan dan pelaksanaan berperingkat NSRF merupakan penanda aras penting dalam usaha Malaysia menuju kemampanan. Melalui kerjasama antara agensi pengawalseliaan dan institusi pasaran modal, Malaysia sedang mewujudkan persekitaran pelaporan kemampanan yang kukuh bagi memenuhi permintaan global dan keperluan domestik. Dengan meningkatkan ketelusan dan menyelaraskan penzahiran dengan piawaian antarabangsa, Malaysia bukan sahaja memperkukuh tanggungjawab korporat, malah turut meletakkan negara sebagai destinasi pelaburan yang bertanggungjawab dan mampan. Kerajaan akan terus memainkan peranan strategik dalam menyokong agenda kemampanan di bawah kerangka Ekonomi MADANI melalui penyelarasan institusi, libat urus bersama pemegang taruh dan inisiatif pembangunan kapasiti seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030.

Rakyat

Struktur Gaji

Malaysia telah beralih kepada ekonomi berpendapatan pertengahan tinggi sejak tiga dekad yang lalu. Sejak sekian lama, Kerajaan juga secara konsisten meneruskan dasar untuk mengubah struktur pasaran dengan matlamat memastikan pekerja diberikan pampasan yang adil setimpal dengan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, PP masih di bawah sasaran 45%. Oleh itu, kesedaran serta pematuhan majikan dan pekerja mengenai peraturan gaji penting dalam memastikan pembaharuan gaji dapat diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan sebenar pekerja.

Kos Sara Hidup

Kerajaan terus memperkukuh usaha dalam menguruskan kos sara hidup terutamanya untuk golongan rentan. Sepanjang tempoh lima tahun, bantuan bersasar seperti STR, SARA dan Payung RAHMAH serta langkah kawalan harga telah mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup ke atas rakyat. Di samping itu, Kerajaan beralih daripada subsidi pukal kepada mekanisme yang lebih bersasar untuk mengurangkan ketirisan dan pembaziran, meningkatkan kecekapan pasaran dan mengoptimumkan sumber untuk manfaat rakyat.

Populasi Menua

Malaysia dijangka beralih daripada negara menua kepada negara tua menjelang 2048 dengan 14% daripada populasi berumur 65 tahun dan ke atas. Peralihan ini memerlukan penambahbaikan dalam penjagaan kesihatan dan taraf hidup yang melibatkan peruntukan lebih besar dalam sistem penjagaan kesihatan dan perlindungan sosial. Kerajaan terus meneroka peluang dalam memanfaatkan

potensi kapasiti warga emas Malaysia untuk menyumbang kepada ekonomi selepas usia persaraan bagi memenuhi keperluan negara menua. Pewujudan dasar bersesuaian penting supaya penuaan tidak diterjemahkan sebagai kebergantungan ekonomi sebaliknya turut menjadi komponen dalam agenda modal insan. Penekanan akan diberikan kepada aspek pembelajaran sepanjang hayat dan latihan semula sebagai alat untuk mengekalkan produktiviti dan menggalakkan penuaan aktif.

Kerajaan

Tatakelola Baik

Kerajaan telah melaksanakan pembaharuan dalam perolehan, subsidi dan pelaporan kewangan sejak tempoh tiga tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) masih tidak berubah yang menunjukkan lebih banyak usaha diperlukan untuk menambah baik tatakelola, kecekapan dan konsistensi dasar. Penggunaan digitalisasi termasuk sistem perolehan, platform pemantauan dipacu data dan inisiatif data terbuka serta Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 yang baru diluluskan akan meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan. Kerajaan akan terus melibatkan pihak berkepentingan secara proaktif dengan memanfaatkan kepakaran dan pandangan daripada masyarakat sivil, ahli akademik dan industri dalam membentuk dasar dan memantau keberhasilan.

Infrastruktur Berkualiti

Walaupun terdapat penambahbaikan yang ketara di Malaysia dalam menyediakan infrastruktur awam dan kemudahan, namun masih wujud jurang pembangunan antara wilayah khususnya di kawasan luar bandar dan yang kurang mendapat liputan. Penyediaan

infrastruktur, rangkaian jalan raya dan utiliti yang lebih baik penting untuk meningkatkan kecekapan, kesalinghubungan dan kebolehpasaran di beberapa kawasan terpencil. Selain itu, pengukuhan kemudahan penjagaan kesihatan dan pendidikan akan meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat.

Inisiatif Strategik – Belanjawan 2026

Belanjawan 2026 yang merupakan belanjawan pertama di bawah RMK13 akan berperanan sebagai instrumen dasar strategik untuk meneruskan momentum ekonomi, memperkukuh daya tahan fiskal dan merapatkan jurang struktural. Belanjawan ini akan memberikan tumpuan kepada tiga teras yang berpanduan kerangka Ekonomi MADANI iaitu 'Pentadbiran dan Tatakelola', 'Menaikkan Siling' dan 'Menaikkan Lantai'. Secara dasarnya, Belanjawan 2026 akan memadankan keperluan jangka masa pendek dengan keutamaan jangka masa panjang dan merangka hala tuju pertumbuhan ekonomi yang lebih terangkum dan mampan.

Pentadbiran dan Tatakelola

Belanjawan 2026 akan meneruskan usaha pembaharuan Kerajaan dengan menumpukan kepada peningkatan tatakelola serta pengukuhan penyampaian perkhidmatan dan kemampanan fiskal. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan mengutamakan pemodenan perkhidmatan awam, memperkenalkan peraturan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh prinsip integriti dan tatakelola beretika. Pembaharuan tersebut akan disokong oleh kesungguhan untuk mengoptimumkan sumber, meminimumkan ketirisan dan memastikan keberkesanan penyampaian bantuan secara bersasar kepada penerima yang layak.

Kerajaan terus mempercepat digitalisasi merentas sektor awam untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kebolehpasaran. Penyampaian perkhidmatan sedang diperkemas melalui inisiatif GovTech di seluruh negara seperti MyVisa 2.0, MyJPJ dan pusat sehenti digital bagi mengurangkan beban birokrasi dan menyediakan transaksi yang lebih lancar. Belanjawan 2026 akan terus menyediakan peruntukan dalam infrastruktur digital, integrasi data dan pembangunan kapasiti bagi memastikan perkhidmatan yang lebih pantas, terangkum dan berpaksikan rakyat. Penggerak utama usaha ini adalah melalui pelancaran MyDigital ID yang menyediakan pengesahan identiti secara digital kepada rakyat untuk memastikan capaian selamat kepada perkhidmatan kerajaan dan sektor swasta.

Di samping itu, peningkatan penerimgunaan digitalisasi dalam sektor awam akan memperkukuh pengurusan fiskal dan mengoptimumkan kutipan hasil. Penggunaan kaedah termaju seperti AI, analitik data raya dan automasi semakin meningkat bagi menambah baik pemantauan, pematuhan dan penguatkuasaan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus meluaskan digitalisasi perkhidmatan awam untuk menyediakan perkhidmatan yang mudah dan telus.

Agenda tatakelola yang menyeluruh akan dilaksanakan melalui pembaharuan institusi bagi memastikan Kerajaan kekal telus, tangkas dan cekap dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Usaha ini dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang merupakan penggerak utama dalam memperkemas struktur, mandat dan proses bagi memperkukuh kecekapan organisasi dan kebertanggungjawaban merentas kementerian dan agensi. Selain itu, pembaharuan ini diinstitusikan melalui ILTIZAM [Akta 867] yang menerapkan penilaian berasaskan prestasi, meningkatkan

kebertanggungjawaban dan memperkuat penyampaian perkhidmatan awam. Di bawah Akta 867, prestasi perkhidmatan awam akan dinilai bukan sahaja berdasarkan pematuhan tetapi juga berdasarkan keberhasilan bagi memastikan objektif dasar dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan secara berintegriti dengan impak yang boleh dinilai. Belanjawan 2026 akan terus menyokong inisiatif pembaharuan dengan memperluas kerjasama semua peringkat kerajaan terutamanya melalui pembangunan kapasiti dan kemahiran digital. Langkah tersebut bertujuan menyediakan panduan kepada penjawat awam dalam menyampaikan perkhidmatan secara cekap kepada rakyat.

Kerajaan meneruskan agenda menyeluruh pembaharuan perundangan dan institusi bagi memperkuat institusi awam, melindungi integriti dan menegakkan kedaulatan undang-undang. Justeru, Belanjawan 2026 akan meningkatkan rangka kerja kawal selia institusi termasuk memperkuat institusi parlimen bagi membolehkan pengawasan perundangan dan penelitian dasar yang lebih luas. Di samping itu, Kerajaan akan meneliti beberapa perundangan baharu untuk meningkatkan tatakelola, ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan entiti berkaitan kerajaan serta menangani aduan berkaitan pentadbiran awam. Kerajaan juga akan membentangkan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat untuk menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dengan membenarkan maklumat kerajaan dicapai oleh orang awam. Pembaharuan perundangan tersebut selaras dengan NACS yang menyediakan pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat untuk memerangi rasuah, memperkuat penguatkuasaan dan memupuk integriti merentas semua peringkat masyarakat.

Belanjawan 2026 juga menekankan kesungguhan Kerajaan untuk menegakkan integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan fiskal. Usaha ini diperkukuh melalui Akta 850 dan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 yang bertujuan meningkatkan tanggungjawab fiskal dan tatakelola dalam pengurusan kewangan awam. Di samping itu, Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 akan terus memperkuat kerjasama antara sektor awam dengan swasta serta menggalakkan pengurusan projek yang cekap demi mencapai agenda pembangunan nasional.

Menaikkan Siling

Transformasi ekonomi Malaysia memerlukan langkah berani untuk meningkatkan produktiviti dan mempercepat peralihan ke arah aktiviti nilai ditambah lebih tinggi dalam menyokong usaha sektor HGHV dan peralihan tenaga. Sehubungan itu, teras 'Menaikkan Siling' melibatkan usaha meningkatkan keupayaan industri, menggalakkan pertumbuhan yang diterajui inovasi dan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan skala perniagaan serta integrasi ke dalam rantai nilai global. Malaysia bersedia untuk meneroka sumber pertumbuhan baharu yang akan memperkuat kedudukan negara sebagai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan melalui teknologi, bakat dan prinsip kemampanan.

Malaysia sedang menuju ke arah ekonomi dipacu AI dengan mengiktiraf AI sebagai pemboleh daya utama produktiviti, inovasi dan daya saing. Kerajaan akan memperkenalkan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 iaitu rangka kerja tadbir urus yang menyeluruh untuk membimbing dan mempercepat penggunaan AI merentas sektor utama di samping memperkuat keupayaan nasional

dalam R&D&C&I. Sehubungan itu, Belanjawan 2026 akan memberikan tumpuan kepada penggunaan AI dan analitik data raya untuk memperkemas proses pembuatan keputusan, mengoptimumkan sumber serta menambah baik kecekapan merentas industri dan perkhidmatan awam.

Malaysia mampu mempercepat peralihan ke arah ekonomi yang dinamik dan inovatif yang akan meningkatkan lagi peranan negara dalam rantai nilai global dengan menerapkan AI merentas industri dan memupuk budaya inovasi. Usaha ini memperkukuh aspirasi negara untuk menjadi hab pengeluaran bernilai tinggi dan dipacu teknologi seterusnya memperkukuh daya saing jangka masa panjang, mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi dan memastikan negara merebut peluang dalam era digital. Pelan KL20 menjadi pelengkap kepada usaha ini untuk meletakkan Kuala Lumpur sebagai ekosistem syarikat pemula 20 terbaik dunia dengan memupuk perusahaan yang dipacu inovasi seterusnya membangunkan hab syarikat pemula global

terkemuka. Belanjawan 2026 juga menyediakan peruntukan termasuk dana pemula dan pembiayaan pelaburan bersama untuk syarikat pemula yang berpotensi.

Kerajaan akan terus meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi melalui penyediaan dasar secara bersasar. Program ini termasuk Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang menekankan pembangunan kemahiran dan keusahawanan untuk meningkatkan penyertaan dan pemilikan bermakna bagi golongan Bumiputera dalam industri dan sektor tersebut. Di samping itu, pelaburan oleh GLIC akan diteruskan dalam sektor strategik bagi meningkatkan lagi pelaburan domestik dan memperkukuh rantai bekalan global. Belanjawan 2026 juga akan terus menumpukan kepada pembangunan rantai bekalan halal yang mengguna pakai digitalisasi dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa dengan kewangan Islam berperanan sebagai pemacu utama dalam pertumbuhan ekonomi Islam global.

SISIPAN 1.2

Memartabatkan Agenda Bumiputera dengan Menaikkan Lantai

Tahun 2024, Kementerian Kewangan telah melancarkan Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) sebagai usaha untuk memperkukuh pelaburan strategik, inovasi dan penyertaan sosial dalam menyokong agenda pembangunan ekonomi negara. Program ini telah menggariskan tujuh inisiatif 'Menaikkan Lantai' antaranya membangun dan memperkasakan komuniti dan perniagaan Bumiputera. Selain mandat bersifat komersial, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) turut menyumbang ke arah pembangunan bakat dan perusahaan yang mampan dalam kalangan Bumiputera.

Pelaburan **GLIC** dalam syarikat pemula dan peringkat pertengahan milik Bumiputera mencecah **RM1 bilion** pada **2024** sekali gus menunjukkan usaha berterusan ke arah penyertaan ekonomi yang terangkum.

Memperkemas Institusi Pelaburan Bumiputera

Rasionalisasi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) dan Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) bagi memperkasakan kecekapan pelaburan dan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab institusi.

Menghasilkan Juara Bumiputera

Melalui usaha bersepadu, GLIC dan GLC membangun syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi dalam sektor strategik dengan matlamat melahirkan **10 juara Bumiputera** menjelang 2028.




BATERIKU.COM
Billplz **Pandai** ...dan lain-lain

7 Jun 2024

7 Januari 2025

31 Julai 2025



Perlumbaan Relay Bumiputera




- Menyokong syarikat Bumiputera peringkat pertengahan hingga matang melalui pembiayaan, pelan penciptaan nilai dan akhirnya ke penyenaraian awam.
- Penyerahan berstruktur daripada Ekuinas (syarikat ekuiti swasta) kepada PNB (institusi pemilikan awam) menjadi teras kepada simbolik perlumbaan *relay* sebagai lambang peralihan pemilikan yang lancar di setiap peringkat pertumbuhan syarikat.

Pencapaian 'Menaikkan Lantai' pada 2024



Usaha kebolehpasaran belia dibangunkan oleh Khazanah bagi memupuk bakat generasi akan datang.



PERHEBAT di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera meningkatkan kebolehpasaran pasca perkhidmatan bagi **3,500** anggota melalui peningkatan kemahiran.



PNB

Agihan Zakat: Lembaga Tabung Haji menyalurkan sebanyak **RM100 juta** dan PNB sebanyak **RM64 juta**.

Pendidikan

RM 200+

juta
biasiswa ditawarkan85%
Bumiputera5,670
Penerima
biasiswa aktif67%
Isi rumah
B40

Antaranya:



Sumber: Laporan Kemajuan GEAR-uP 2025

Belanjawan 2026 turut memberikan tumpuan untuk mempelbagaikan landskap ekonomi menjangkau aktiviti ekonomi tradisional bagi merapatkan jurang pembangunan luar bandar dan wilayah. Kerajaan akan meneruskan kerjasama dalam membangunkan lokasi strategik lain di seluruh negara dengan memanfaatkan penglibatan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor swasta seperti yang telah dilaksanakan di Cyberjaya, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Taman Teknologi Tinggi Kulim, Taman Industri Kota Kinabalu dan Taman Industri Samalaju. Kerjasama ini boleh mendorong transformasi pada peringkat negeri seterusnya memanfaatkan potensi yang belum diteroka untuk kluster industri, ekosistem inovasi dan sinergi antara negeri.

Kerajaan akan terus menyediakan insentif khusus untuk menarik pelaburan berkualiti dan memaksimumkan pulangan ekonomi melalui Rangka Kerja Insentif Pelaburan Baharu bagi mempercepat transformasi industri negara. Belanjawan 2026 akan terus memperkemas proses kelulusan, mengurangkan halangan birokrasi dan menyusun semula pemberian insentif supaya selaras dengan keperluan kompleksiti, nilai tambah dan intensiti teknologi dalam industri yang disasarkan.

Pada peringkat serantau, Malaysia terus memperkukuh integrasi ekonomi ASEAN melalui inisiatif strategik seperti Grid Kuasa ASEAN untuk meningkatkan kesalinghubungan dan keselamatan tenaga merentas sempadan. Usaha ini akan meletakkan Malaysia sebagai hab serantau untuk perdagangan tenaga boleh baharu seterusnya memperkukuh peranan sebagai pemacu pertumbuhan mampan di Asia Tenggara.

Bagi meningkatkan daya saing dan kebolehskalaan PMKS, Belanjawan 2026 akan mempercepat penggunaan digitalisasi dengan meluaskan akses kepada penggunaan peralatan digital, latihan dan keupayaan e-dagang. Langkah ini akan menggalakkan ekosistem inovasi yang menghubungkan PMKS dengan penyedia teknologi, institusi penyelidikan dan rangkaian bekalan global sekali gus membolehkan lebih banyak firma mengambil bahagian dalam pasaran antarabangsa di samping meningkatkan produktiviti.

Malaysia juga akan mendapat manfaat melalui pertumbuhan dalam industri pelancongan dan perkhidmatan berkaitan sempena VM2026. Sehubungan itu, Kerajaan akan menumpukan kepada dasar visa secara progresif termasuk melanjutkan kemasukan tanpa visa untuk negara terpilih serta menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur berkaitan pelancongan, menambah baik pengangkutan awam dan menggalakkan aktiviti ekopelancongan.

Secara keseluruhan, inisiatif Belanjawan 2026 akan memastikan kedudukan Malaysia dalam ekonomi global kekal strategik, berdaya saing, terangkum dan berorientasikan masa hadapan dalam semua sektor. Matlamat ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk 'Menaikkan Siling' bagi mencapai objektif yang ditetapkan di bawah kerangka Ekonomi MADANI.

Menaikkan Lantai

Teras 'Menaikkan Lantai' merupakan antara elemen utama dalam kerangka Ekonomi MADANI yang dizahirkan melalui Belanjawan 2026 bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Agenda pembangunan ini memerlukan Kerajaan untuk melindungi rakyat yang merupakan aset negara yang paling bernilai. Penekanan akan diberikan kepada usaha memastikan taraf kehidupan yang wajar seterusnya menyediakan peluang untuk meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat.

Kerajaan akan terus menangani isu sosioekonomi merentas pelbagai dimensi pembangunan bagi membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Usaha ini termasuk memastikan pemberian gaji yang adil dan pekerjaan yang wajar di samping memperluas mekanisme bantuan bagi memastikan rakyat menikmati kehidupan yang lebih bermaruah. Inisiatif ini juga merangkumi penambahbaikan infrastruktur serta penyediaan akses yang saksama bagi penjagaan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti dengan tumpuan diberikan kepada usaha merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar ke arah pembangunan yang lebih seimbang.

RENCANA 1.1

Sedekad Gaji Minimum: Mengukur Impak ke atas Ekonomi

Dengan kerjasama Majlis Perundingan Gaji Negara


Pengenalan

Dasar gaji minimum di Malaysia telah diperkenalkan untuk membantu menangani struktur gaji rendah dalam pasaran buruh serta menggalakkan ekonomi yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Dasar ini diwujudkan bertujuan meningkatkan gaji pekerja yang bergaji rendah seterusnya menambah baik jaringan keselamatan dan tahap kesejahteraan pekerja; menggalakkan perniagaan mengguna pakai automasi untuk meningkatkan produktiviti; dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing berkemahiran rendah di samping memastikan pekerja tempatan lebih berdaya saing. Setelah sedekad pelaksanaan, impak dasar ini dalam meningkatkan kesejahteraan perniagaan dan pekerja perlu dinilai. Justeru, artikel ini akan mengukur impak gaji minimum merentas beberapa dimensi makroekonomi termasuk penggunaan, inflasi, produktiviti buruh, agihan pendapatan, serta pematuhan dan operasi perniagaan. Kaedah penilaian adalah berdasarkan data dalam tempoh sedekad, penemuan daripada kajian kes sebenar dan analisis empirikal dalaman.

Perkembangan Dasar Gaji Minimum di Malaysia

Peralihan ke arah pelaksanaan gaji minimum di Malaysia merupakan usaha berterusan sejak beberapa dekad yang lalu bertujuan memastikan pekerja memperoleh pendapatan yang mencukupi bagi mendepani beban kos sara hidup. Usaha ini bermula sejak 1947 melalui pembentukan Majlis Gaji yang bertanggungjawab menasihati mengenai kadar gaji yang adil mengikut pekerjaan tertentu. Namun, perkembangan ekonomi dan peningkatan perbelanjaan sara hidup memerlukan pewujudan sistem gaji yang lebih berstruktur. Justeru, Perintah Gaji Minimum telah diwartakan pada 2012 yang merupakan langkah penting dalam menjamin golongan yang bergaji rendah di seluruh negara menerima tahap pendapatan minimum. Sejak itu, kadar gaji minimum telah disemak semula sebanyak lima kali dan meningkat secara beransur-ansur kepada kadar semasa RM1,700 sebulan seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1.1. Perubahan ini mencerminkan usaha berterusan untuk memastikan pekerja terutamanya bidang pekerjaan yang bergaji rendah mampu menampung keperluan asas dan menjalani kehidupan dengan selesa. Setiap pelarasan kadar gaji minimum akan mengambil kira aspek pencapaian keseimbangan antara kebajikan pekerja dengan daya asing perniagaan.

RAJAH 1.1.1. Perkembangan Dasar dan Institusi Gaji



Sumber: Majlis Perundingan Gaji Negara

RAJAH 1.1.2. *Profil Penerima Gaji di bawah Paras Gaji Minimum (2010 – 2023)*

Nota: Penerima gaji merujuk kepada pekerja yang menerima gaji kurang daripada gaji minimum bagi setiap tahun iaitu sekitar 2.5 juta pekerja (30%) pada 2010 kepada 2.3 juta pekerja (20%) pada 2023

Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia


Tanggapan umum mengenai golongan pekerja yang menerima gaji di bawah paras gaji minimum adalah dalam kalangan pekerja asing; wanita; belia; pekerja yang tertumpu dalam sektor pembinaan dan pertanian; serta pekerja di negeri kurang membangun¹. Walau bagaimanapun, data yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.2. bercanggah dengan tanggapan tersebut kerana majoriti penerima bergaji di bawah gaji minimum adalah dalam kalangan pekerja tempatan, lelaki, kumpulan umur 25 – 34 tahun serta pekerja dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sekitar satu pertiga daripada golongan pekerja tersebut juga bekerja di negeri maju seperti Selangor dan Johor.

Analisis Situasi

Dari perspektif makroekonomi, pelarasan gaji minimum mempengaruhi kedinamikan penggunaan isi rumah dan inflasi. Isi rumah berpendapatan rendah mempunyai kecenderungan menggunakan (*marginal propensity to consume*) yang lebih tinggi dengan sebahagian besar (71.6%)² daripada tambahan pendapatan digunakan untuk perbelanjaan asas bagi barangan dan perkhidmatan. Berdasarkan anggaran dalaman, gaji minimum sebanyak RM1,700 sebulan boleh menggalakkan penggunaan³ sekali gus meningkatkan permintaan agregat secara sederhana dan berterusan.

Kos buruh yang lebih tinggi boleh memberikan tekanan ke atas harga melalui kesan tolakan kos (*cost-push effect*). Walau bagaimanapun, Rajah 1.1.3 membuktikan trend inflasi di Malaysia kekal stabil sekitar 2% – 3% bagi tempoh 2010 hingga 2024 walaupun berlaku peningkatan gaji secara berkala. Situasi ini membuktikan peningkatan gaji minimum dan kuasa beli isi rumah tidak menyebabkan tekanan yang ketara kepada inflasi⁴. Sebaliknya, gaji yang lebih tinggi telah mengukuhkan permintaan domestik melalui peningkatan kapasiti penggunaan bagi kumpulan berpendapatan rendah. Situasi tersebut juga selaras dengan jangkaan Bank Negara Malaysia (BNM, 2025) bahawa kesan menyeluruh terhadap inflasi kekal terkawal walaupun berlaku perubahan dasar domestik termasuk semakan semula ke atas gaji minimum.

RAJAH 1.1.3. Trend Pengangguran dan Inflasi (2010 – 2026)



^a anggaran
^u unjuran

Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia

¹ Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025 mendefinisikan negeri kurang membangun merupakan negeri yang mempunyai pertumbuhan KDNK rendah iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu.

² Berdasarkan laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022, keperluan asas merujuk kepada makanan dan minuman; perumahan, air, elektrik dan bahan api lain; pengangkutan; dan perkhidmatan restoran & penginapan.

³ Berdasarkan anggaran Kementerian Kewangan, penggunaan swasta nominal akan meningkat sebanyak 0.03 mata peratusan (ppt) dalam tempoh 2025 – 2026.

⁴ Berdasarkan anggaran Kementerian Kewangan, inflasi akan meningkat sebanyak 0.01 ppt dalam tempoh 2025 – 2026.

Selaras dengan asas ekonomi yang berdaya tahan dan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, pelarasan terkini gaji minimum tidak akan mengganggu trajektori guna tenaga penuh. Walaupun pengangguran dijangka meningkat⁵ secara marginal disebabkan peningkatan kos buruh, namun kesan tersebut bersifat sementara dan masih terkawal. Sebaliknya, Nurnaddia et al. (2020) dan Sheikh Ahmad Faiz et al. (2023) membuktikan bahawa pelaksanaan gaji minimum boleh menjana kesan positif ke atas pekerjaan terutamanya bagi pekerjaan berkemahiran rendah.

Dasar gaji minimum juga dijangka dapat meningkatkan produktiviti buruh. Kenyataan ini disokong oleh Avila et al. (2023) iaitu peningkatan gaji minimum boleh menggalakkan firma menggantikan buruh berkemahiran rendah dengan automasi yang seterusnya meningkatkan produktiviti. Penemuan yang sama juga dibuktikan oleh Sheikh Ahmad Faiz et al. (2023) bagi sektor pembuatan di Malaysia yang menunjukkan hubungan positif antara gaji minimum dengan output pekerja. Laporan Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada 2024 pula menyatakan bahawa sebahagian besar majikan mengekalkan dan meningkatkan penggunaan automasi dan teknologi susulan pelaksanaan gaji minimum. Namun demikian, laporan MPGN⁶ juga merumuskan firma terus mengekalkan dan meningkatkan pengambilan pekerja asing. Penemuan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar gaji minimum sahaja tidak memadai dalam menangani isu kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Justeru, pelaksanaan dasar gaji minimum perlu dilengkapi dengan dasar khusus yang lain bagi mengurangkan penggajian pekerja asing dalam pelbagai sektor ekonomi.

Indeks Kaitz⁷ atau nisbah gaji minimum kepada median meningkat kepada 65% pada 2023 berbanding 60% sedekad lalu yang mencerminkan faedah dasar ini dalam menyediakan jaringan keselamatan pendapatan kepada pekerja yang bergaji rendah. Analisis oleh Kementerian Kewangan (2023) juga merumuskan bahawa pertumbuhan gaji dalam kalangan pekerja yang bergaji rendah bergantung kepada pelaksanaan dan semakan semula gaji minimum. Selain itu, MPGN (2024) melaporkan bahawa 83% daripada jumlah responden mendapat kenaikan atau pelarasan gaji susulan daripada semakan semula gaji minimum. Semua responden dalam kalangan majikan pula bersetuju bahawa kenaikan gaji adalah berdasarkan kepada prestasi pekerja.

Semua laporan MPGN secara konsisten mengesahkan bahawa pelaksanaan gaji minimum telah memberikan manfaat kepada majikan dan pekerja. Majikan dapat mengekalkan dan memperluas penggunaan automasi bagi meningkatkan kecekapan manakala pekerja kekal menerima pakej saraan termasuk elaun, faedah tunai lain, bonus dan latihan. Kebanyakan perniagaan berupaya mengekalkan pekerja dan tempoh jam bekerja sedia ada yang menggambarkan keupayaan majikan untuk meneruskan operasi perniagaan seperti biasa. Analisis dalaman juga menunjukkan tiada perbezaan ketara dalam kos pekerjaan mengikut saiz firma pada 2022 (11.3%) berbanding 2015 (12.3%) khususnya dalam sektor pertanian dan pembinaan seperti dalam Rajah 1.1.4. Secara keseluruhan, perniagaan berupaya mengekalkan daya saing walaupun semakan semula gaji minimum dibuat secara berkala.


⁵ Berdasarkan anggaran Kementerian Kewangan, kadar pengangguran akan meningkat sebanyak 0.03 ppt dalam tempoh 2025 – 2026.

⁶ Siri kaji selidik oleh MPGN telah diadakan pada 2013, 2018, 2019, 2020, 2021, 2022, 2023 dan 2024 untuk menilai impak gaji minimum ke atas majikan dan pekerja di seluruh negara.

⁷ Indeks Kaitz merupakan bahagian gaji minimum berbanding gaji median. Indeks ini menggambarkan kuasa beli pekerja yang menerima gaji minimum. Nisbah yang lebih tinggi membayangkan tahap perlindungan pendapatan lebih besar kepada pekerja yang bergaji rendah.

RAJAH 1.1.4. Kos Pekerja mengikut Sektor Ekonomi dan Saiz Firma

% kos pekerjaan daripada jumlah perbelanjaan



Cabaran dalam Pelaksanaan Gaji Minimum

Merealisasikan pelaksanaan dasar gaji minimum di Malaysia mempunyai cabaran yang tersendiri. Antara cabaran utama adalah kadar pematuhan terutamanya dalam kalangan perniagaan berskala kecil yang sering menghadapi kesukaran untuk membayar gaji lebih tinggi disebabkan kekangan sumber. Di samping itu, kapasiti yang terhad dalam kalangan agensi penguatkuasaan juga menjadi cabaran dalam menguatkuasakan dan memantau pelaksanaan gaji minimum. Berdasarkan laporan MPGN, secara purata sekitar 9%⁸ majikan tidak mematuhi dasar gaji minimum.

Analisis dalaman⁹ juga menunjukkan sekitar 23.4% pertubuhan tidak membayar pekerja berdasarkan kadar semasa gaji minimum dengan 91.3% merupakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan 8.7% ialah firma besar. Sekiranya keadaan ini berlanjutan, pekerja mungkin terus terperangkap dalam keadaan berpendapatan rendah yang seterusnya meningkatkan tekanan kewangan serta menghadkan keupayaan dalam mendepani kenaikan kos sara hidup.

Merangka Hala Tuju Masa Hadapan

Penambahbaikan dalam aspek tertentu penting bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan gaji minimum secara menyeluruh demi memastikan kadar gaji yang lebih baik kepada pekerja. Cadangan dasar boleh ditumpukan kepada pengukuhan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya merentas semua sektor. Langkah ini termasuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus, memanfaatkan mekanisme pelaporan dan pengisytiharan secara digital serta memperkukuh ketelusan dalam penetapan gaji.

⁸ Pengiraan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan kaji selidik MPGN pelbagai tahun.

⁹ Pengiraan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bagi memastikan pertumbuhan pendapatan yang berterusan, langkah mewajibkan kenaikan gaji tahunan yang berstruktur sejajar dengan trend inflasi dan produktiviti juga wajar dikaji. Di samping itu, lonjakan dalam kadar gaji semasa semakan semula gaji minimum wajar dipertimbangkan bagi mempercepat pencapaian 45% pampasan pekerja menjelang 2033 seperti aspirasi kerangka Ekonomi MADANI. Syarikat khususnya yang beroperasi di negeri yang lebih maju juga digalakkan untuk menawarkan gaji minimum yang lebih tinggi berbanding kadar nasional dengan mengambil kira perbezaan kos sara hidup. Strategi tersebut akan mewujudkan pasaran buruh yang lebih saksama, produktif dan berdaya tahan dalam memastikan saraan yang adil kepada semua pekerja.

Kesimpulan

Dasar gaji minimum telah menunjukkan kemajuan ketara dalam mencapai beberapa objektif utama seperti meningkatkan kuasa beli, mengukuhkan jaringan keselamatan bagi pekerja yang bergaji rendah dan mengekalkan daya saing perniagaan. Walau bagaimanapun, dasar ini memberikan kesan yang minimum dalam meningkatkan penggunaan automasi dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Situasi ini berlaku kerana kadar semakan semula gaji minimum tidak cukup menarik kepada pekerja tempatan khususnya dalam industri berorientasikan buruh. Justeru, pendekatan lebih komprehensif yang menyepadukan dasar gaji dengan pembaharuan pasaran buruh secara lebih menyeluruh penting demi merealisasikan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI seterusnya melahirkan tenaga kerja yang lebih berdaya tahan pada masa hadapan.

Usaha mengurangkan jurang pembangunan wilayah kekal penting dalam memastikan pembangunan nasional yang inklusif serta penyediaan akses mencukupi kepada perkhidmatan asas. Sehubungan itu, Belanjawan 2026 akan memberikan tumpuan untuk meningkatkan kesalinghubungan di seluruh negara melalui pembinaan atau naik taraf jalan luar bandar serta penambahbaikan sistem pengangkutan awam sekali gus membolehkan pergerakan antara negeri yang lebih baik. Kerajaan juga akan terus memperluas projek infrastruktur lebuh raya dan rel termasuk peralihan daripada mod pengangkutan jalan raya kepada rel serta peluasan transit bandar bagi menggalakkan penyertaan menyeluruh dalam ekonomi dengan menghubungkan komuniti terpencil dengan kawasan pertumbuhan serantau.

Kerajaan kekal komited untuk membangunkan sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berdaya tahan bagi memastikan semua rakyat mendapat akses sejagat kepada perkhidmatan berkualiti dengan harga

berpatutan. Justeru, hospital dan klinik akan terus dilengkapi dengan kemudahan termaju yang bersesuaian dan kakitangan penjagaan kesihatan yang mencukupi bagi menyediakan persekitaran lebih kondusif merentas semua pusat penjagaan kesihatan. Inisiatif berkaitan pembiayaan penjagaan kesihatan yang mampan akan dikaji untuk menyediakan sumber dana tambahan selain peruntukan daripada kerajaan bagi menawarkan perkhidmatan ekonomi premium di samping mengekalkan bakat dalam sektor awam. Walau bagaimanapun, keutamaan akan terus diberikan untuk menambah baik akses kepada bekalan ubat harga berpatutan, meningkatkan penjagaan kesihatan primer luar bandar dan mempercepat digitalisasi perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Pembaharuan pendidikan kekal penting dalam melahirkan bakat tersedia masa hadapan selaras dengan perubahan permintaan pasaran buruh bagi meningkatkan mobiliti sosial dan pertumbuhan terangkum. Justeru, peruntukan mencukupi akan terus disediakan di bawah

Belanjawan 2026 bagi meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti. Tumpuan akan diberikan kepada transformasi pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah bagi memupuk kreativiti dan kemahiran berfikir secara kritis dari peringkat awal pembangunan kanak-kanak. Profesionalisme pendidik dan pendekatan pengajaran akan dimodenkan untuk meningkatkan keberhasilan pembelajaran pelajar. Belanjawan 2026 juga akan terus menaik taraf infrastruktur pendidikan dan mengintegrasikan pembelajaran digital serta memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif pada semua peringkat.

Sementara itu, kerjasama antara industri dengan institusi pendidikan terutamanya pendidikan tertiar termasuk pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) akan diperkukuh bagi menyesuaikan penawaran program dengan keperluan pekerjaan. Langkah ini dapat mengurangkan ketakpadanan kemahiran dan meningkatkan ketersediaan tenaga kerja dalam mendepani persekitaran pekerjaan yang dinamik.

Pembaharuan pasaran buruh di bawah Belanjawan 2026 akan menumpukan kepada peningkatan kebolehpasaran dan menyokong pertumbuhan gaji secara mampan. Inisiatif pembaharuan utama antara lain merangkumi peluasan program pembangunan kemahiran, peningkatan keahlian kesatuan sekerja dan perundingan kolektif serta formalisasi pekerjaan tidak formal. Strategi untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh juga akan diberikan keutamaan. Selain itu, mekanisme perlindungan sosial untuk mewajibkan caruman golongan yang bekerja sendiri juga akan dikaji. Pelaksanaan sistem levi pelbagai peringkat juga akan disegerakan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing berkemahiran rendah manakala penggunaan teknologi secara meluas dapat menyokong pertumbuhan gaji berdasarkan produktiviti.

Ekonomi penjagaan penting dalam sistem perlindungan sosial moden bagi menyokong pembinaan masyarakat yang saksama, memperkukuh sokongan warga emas dan memelihara kesejahteraan keluarga. Ekonomi penjagaan memperluas akses kepada perkhidmatan penjagaan dengan melengkapi perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan sokongan berasaskan komuniti bagi memastikan keperluan kesihatan dipenuhi secara menyeluruh seterusnya meningkatkan kesejahteraan.

Sehubungan itu, Belanjawan 2026 akan memberikan keutamaan kepada agenda masyarakat penyayang bagi meningkatkan penjagaan komuniti dan mempromosikan pertumbuhan terangkum melalui pengukuhan ekosistem berkaitan profesion perkhidmatan penjagaan. Peningkatan perkhidmatan penjagaan isi rumah khususnya penjagaan kanak-kanak juga dapat membantu mengurangkan cabaran pekerjaan dan menggalakkan penyertaan lebih ramai tenaga buruh wanita.

Di samping itu, tumpuan akan diberikan dalam mempersiapkan rakyat bagi menghadapi kehidupan selepas persaraan. Bagi memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran warga emas, Belanjawan 2026 akan melaksanakan inisiatif bagi mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kebolehpasaran selepas persaraan. Usaha juga akan ditumpukan bagi menggalakkan caruman sukarela yang lebih tinggi dalam skim persaraan sejak usia muda. Inisiatif tersebut selaras dengan aspirasi RMK13 untuk mewujudkan ekosistem perlindungan sosial yang lebih terangkum dan berdaya tahan di samping melindungi maruah rakyat.

Belanjawan 2026 memperkukuh usaha untuk meningkatkan daya tahan isi rumah melalui pendekatan serampang dua mata iaitu pemerkasaan penjanaan pendapatan dan

penyediaan sokongan bersasar untuk golongan rentan. Sokongan ini bertujuan memastikan jaminan pendapatan dan taraf kehidupan yang bermaruah bagi memastikan rakyat mampu membeli keperluan asas terutamanya makanan dan barangan asas. Sehubungan itu, Belanjawan 2026 akan memberikan keutamaan kepada penambahbaikan mekanisme penyasaran dan meluaskan liputan program seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), STR, SARA dan sokongan khusus lain untuk golongan rentan.

Inisiatif tersebut juga disokong oleh program berasaskan masyarakat melalui pendekatan seluruh negara yang melibatkan Kerajaan, GLIC dan GLC serta masyarakat. Pelaksanaan program seperti Inisiatif Kesejahteraan Rakyat Malaysia MADANI (Sejahtera MADANI), Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI), Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI bertujuan untuk memperkasakan masyarakat tempatan, memperkukuh perpaduan sosial dan menggalakkan penyertaan akar umbi dalam pembangunan. Penerusan program ini akan ditambah baik di bawah Belanjawan 2026 bagi meningkatkan kesalinghubungan, menambah baik taraf kehidupan, menyokong aktiviti ekonomi serta memastikan capaian kepada kemudahan asas secara saksama.

Selain itu, keterjaminan makanan kekal menjadi keutamaan melalui penekanan berterusan untuk meningkatkan pengeluaran domestik, memperkukuh rantai bekalan dan memastikan semua isi rumah mampu memperoleh makanan berkhasiat. Program Jualan Rahmah MADANI merupakan antara

inisiatif berjaya yang membolehkan pengguna menikmati barangan asas pada harga berpatutan sekali gus mengurangkan beban perbelanjaan harian. Belanjawan 2026 akan terus menambah baik rantai bekalan makanan untuk mencapai tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran makanan di samping menggalakkan kestabilan harga.

Kesimpulan

Belanjawan 2026 yang merupakan belanjawan pertama di bawah RMK13 menandakan permulaan penting dalam merangka hala tuju ekonomi dalam jangka masa sederhana ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2030. Ekonomi Malaysia diunjur mengekalkan momentum pertumbuhan pada 2026 antara 4% dan 4.5% didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan sektor luaran yang berdaya tahan. Penekanan akan diberikan kepada peningkatan penyampaian melalui belanjawan berasaskan outcome dan menginstitusikan amalan terbaik di bawah teras 'Pentadbiran dan Tatakelola'. Usaha juga akan terus ditumpukan kepada transformasi ekonomi untuk 'Menaikkan Siling' dengan menyokong industri HGHV dan sektor strategik berimpak tinggi manakala inisiatif berkaitan pembaharuan pasaran buruh serta perluasan bantuan sosioekonomi akan dilaksanakan untuk 'Menaikkan Lantai' rakyat. Justeru, Belanjawan 2026 akan menjadi instrumen penting dalam melakar trajektori ekonomi negara dan menetapkan hala tuju demi merealisasikan sasaran di bawah RMK13.

Rujukan

- ADP Hong Kong. (n.d.). Malaysia, a tiger cub economy. <https://hk.adp.com/resources/articles-and-insights/articles/m/money-matters-malaysia.aspx>
- Astro AWANI. (2025, Mac 26). MADANI gov't to expand SARA programme, benefiting 5.4 million recipients from April 1. <https://international.astroawani.com/malaysia-news/madani-govt-expand-sara-programme-benefiting-54-million-recipients-april-1-514073>
- Avila-Montealegre, O., Ospina-Tejeiro, J. J., Grajales-Olarte, A., & Ramos-Veloza, M. A. (2023). Minimum wage policy and macroeconomic adjustment: Insights from a small open economy model with formal and informal labor. Center for Latin American Monetary Studies (CEMLA). <https://www.cemla.org/actividades/2023-final/2023-11-xxviii-meeting-of-the-central%E2%80%9393bank%E2%80%9393researchers-network/papers/4.3.2AvilaMontealegreetal.pdf>
- Bank Dunia. (n.d.). GDP (current US\$). In World Development Indicators. , from <https://databank.worldbank.org/source/world-development-indicators>
- Bank Negara Malaysia. (2013). Kesan potensi dasar gaji minimum terhadap ekonomi Malaysia. Laporan tahunan 2012 (ms. 111-113). https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830845/cp04_005_rencana.pdf
- Bank Negara Malaysia. (2025, Januari 22). Penyataan dasar monetari. <https://www.bnm.gov.my/-/pernyataan-dasar-monetari-22012025>
- Bank Negara Malaysia. (2025, Julai 9). Penyataan dasar monetari. <https://www.bnm.gov.my/-/pernyataan-dasar-monetari-09072025>
- Bank Negara Malaysia. (2025, Julai 28). Malaysia's economy remains on a strong footing and is projected to grow between 4%–4.8% in 2025. <https://www.bnm.gov.my/-/gdp25>
- ExchangeRates UK. (2025). US Dollar to Malaysian Ringgit history: 2025. ExchangeRates.org.uk. <https://www.exchangerates.org.uk/USD-MYR-spot-exchange-rates-history-2025.html>
- GEAR-uP 2025 Progress Report. (2025). GEAR-uP 2025 Progress Report. <https://heyzine.com/flip-book/e65482fd98.html>
- Halal Development Corporation. (2024, September 18). Malaysia's halal economy: A journey of transformative growth and global leadership. <https://hdcglobal.com/news/2024/09/18/malaysias-halal-economy-a-journey-of-transformative-growth-and-global-leadership/>
- International Institute for Management Development. (2025). Malaysia: World Competitiveness Yearbook summary. https://imd.widen.net/s/72jzcqxsfm/my1page_wcy_2025
- International Monetary Fund. (n.d.). Malaysia: Country data profile. IMF Data Mapper. <https://www.imf.org/external/datamapper/profile/MYS>
- International Monetary Fund. (2025, April 22). World economic outlook, April 2025: A critical juncture amid policy shifts. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2025/04/22/world-economic-outlook-april-2025>
- International Monetary Fund. (2025, Julai 29). World economic outlook update, July 2025: Global economy: Tenuous resilience amid persistent uncertainty. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2025/07/29/world-economic-outlook-update-july-2025>

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia 2024*. <https://statistics.gov.my/portal-main/release-content/statistics-on-women-empowerment-in-selected-domains-malaysia-2024>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, Mac 11). *Laporan Tenaga Buruh, Januari 2025*. https://storage.dosm.gov.my/labour/lfs_month_2025-01_en.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, Jun 25). *Statistics of foreign direct investment (FDI) in Malaysia 2024*. https://www.statistics.gov.my/site/downloadrelease?id=statistics-of-foreign-direct-investment-fdi-in-malaysia-2024&lang=English&admin_view=
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, July 30). *Gross domestic product income approach 2024*. http://www.statistics.gov.my/uploads/release-content/file_20250730111255.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, August 22). *Labour market review, second quarter 2025*. <https://open.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, September 10). *Labour force statistics, Malaysia, July 2025*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Data banci ekonomi mengikut tahun terpilih*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Data Banci Ekonomi*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Data pendapatan dan perbelanjaan isi rumah mengikut tahun terpilih*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Data survei gaji dan upah tahunan*.
- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2023, September 21). *Central database system Padu is 60pc complete, on track for January launch*. <https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-09/Akhbar%20Online%203%2020230921.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2025, June 26). *Siaran media: Menteri tumpu usaha tuntas ke atas pencapaian sasaran pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) [Facebook post]*. Facebook. <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/pfbid0S4ndmcq4NqJkXZfyKUGkJuhtykfDXfZuW2KFktBbhSd2PyKaby7ZH9cDNXLKsZK8/>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2022). *Gaji sebagai sumber pertumbuhan. Dalam Tinjauan ekonomi 2024 (pp. 27-33)*.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2024, October 18). *Budget 2025 speech: The Ministry of Health receives the second highest funding in Budget 2025, with an allocation of RM45.3 billion*. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2025/ucapan/ub25-en.pdf>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2024, October 18). *Budget 2025 speech: RM2 billion allocated for maintenance, improvement and upgrade*. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2025/ucapan/ub25-en.pdf>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2025, February 14). *Malaysia exceeds GDP and fiscal deficit targets for 2024 [Press release]*. <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-release/malaysia-exceeds-gdp-and-fiscal-deficit-targets-for-2024>

- Kementerian Kewangan Malaysia. (2025, August 4). Padu data to be used for RON95 targeted subsidy mechanism – Amir Hamzah. <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-citations/padu-data-to-be-used-for-ron95-targeted-subsidy-mechanism-amir-hamzah>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (n.d.). Skim Perubatan MADANI. <https://manfaat.mof.gov.my/b2025/individu/perubatan-madani>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2025, 26 Ogos). Malaysia diunjur menjadi negara tua menjelang 2048 — Amir Hamzah [Siaran akhbar]. <https://mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/malaysia-diunjur-menjadi-negara-tua-menjelang-2048-amir-hamzah>
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). (2025, June 30). KWAP finalises 12 General Partners under Dana Pemacu's RM6 billion fund allocation [Press release]. <https://www.kwap.gov.my/media-centre/kwap-finalises-12-general-partners-under-dana-pemacus-rm6-billion-fund-allocation-2/>
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2013). Laporan ringkas kajian impak awal pelaksanaan gaji minimum.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2018). Laporan kajian impak perintah gaji minimum 2016 terhadap ekonomi negara, pekerja dan majikan.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2019). Kajian impak pelaksanaan gaji minimum terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2020). Laporan kajian impak perintah gaji minimum 2018.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2021). Kajian kesan covid-19 ke atas pasaran buruh dan implikasi terhadap pelaksanaan dasar gaji minimum.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2022). Laporan kajian impak perintah gaji minimum 2020.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2023). Laporan kajian liputan gaji minimum terhadap perantis.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2023). Sedekad dasar gaji minimum: cabaran dan masa hadapan.
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2024). Laporan kajian impak perintah gaji minimum 2022.
- Malaysian Investment Development Authority. (2024, June 25). NETR projects investment, initiatives at over RM60 bln — Deputy minister. <https://www.mida.gov.my/mida-news/netr-projects-investment-initiatives-at-over-rm60-bln-deputy-minister/#:~:text=The%20investment%20commitment%20for%20the,job%20opportunities%20generated%20to%20date>
- Ng, C. W., Shahr, S., & Kandiah, M. (2024). Malaysia's demographic transition: Preparing for an ageing nation. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 31(4), 5–9.
- Nurnaddia, N., Nurhaiza, N., & Nurza, M. Y. (2020). The impact of minimum wage on employment in Malaysia. http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/2586/2/ICBT2020_039_MW.pdf

- Organisation for Economic Co-operation and Development. (n.d.). Social policy. OECD. <https://www.oecd.org/en/topics/social-policy.html>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2025, July 24). Teks ucapan YAB Perdana Menteri: Majlis peluncuran inisiatif kesejahteraan rakyat Malaysia Madani (Sejahtera Madani) tahun 2025. <https://www.pmo.gov.my/ms/2025/07/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-peluncuran-inisiatif-kesejahteraan-rakyat-malaysia-madani-sejahtera-madani-tahun-2025/>
- Securities Commission Malaysia. (n.d.). Policy Documents – National Sustainability Reporting Framework. <https://www.sc.com.my/nsrf/resources/policy-documents>
- Sheikh Ahmad Faiz, S. A. T., Suriyani, M., Fauziah, A. H., & Nor Fatimah, C. S. (2023). Productivity effect of minimum wage in the manufacturing sector of Malaysia. *Asian Journal of Economic Modelling*, 11(2), 46–55. <https://ideas.repec.org/a/asi/ajemod/v11y2023i2p46-55id4808.html>
- Suruhanjaya Tenaga. (2025, June 20). Kenyataan media: Jadual elektrik baharu—Tarif RP4. https://www.st.gov.my/contents/files/press/nocategory/2025-06-20/FINAL2_Kenyataan%20Media%20-%20Jadual%20Tarif%20RP4_Finale%20%281%29.pdf
- Tenaga Nasional Berhad. (2025, July 12). TNB, PETRONAS and Terengganu Inc advance Malaysia's National Energy Transition Roadmap with hybrid hydro floating solar and Green Hydrogen Hub development in Terengganu. https://www.tnb.com.my/assets/press_releases/20250712_14_eng.pdf
- The Edge Malaysia. (2024, April 17). More Malaysians believe country on the wrong track. The Edge Malaysia. <https://theedgemalaysia.com/node/708252>
- The Edge Malaysia. (2025, September 23). Cypark partners Terengganu govt to develop 500MW hybrid hydro floating solar plant. The Edge Malaysia. <https://theedgemalaysia.com/node/736819>
- Tourism Malaysia. (n.d.). About Tourism Malaysia. <https://tourism.gov.my/about-us/about-tourism-malaysia>
- Transparency International. (2025). Corruption perceptions index 2024. <https://www.transparency.org/en/cpi/2024>
- Ung, L. Y., Tee P. L., Chung C. Y., Jayamalathi J., Pok W. F., & Shamini K. (2016). The impact of minimum wage policy on small medium enterprises' productivity in the manufacturing sector. *Journal of Business and Economics Review*, 1(1), 78–83. SSRN. [http://gatreenterprise.com/GATRJournals/pdf_files/JBER%20Vol%201\(1\)%20Dec.%202016/10.%20Ung%20Leng%20Yean-JBER%201\(1\)%20Dec.%202016-CIBSSR-00439.pdf](http://gatreenterprise.com/GATRJournals/pdf_files/JBER%20Vol%201(1)%20Dec.%202016/10.%20Ung%20Leng%20Yean-JBER%201(1)%20Dec.%202016-CIBSSR-00439.pdf)
- United Nations Development Programme. (n.d.). Country insights: Human development insights. <https://hdr.undp.org/data-center/country-insights#/ranks>
- United Nations Development Programme. (2024). Human development report 2023/2024: Reimagining cooperation in a polarized world. <https://hdr.undp.org/system/files/documents/global-report-document/hdr2023-24reporten.pdf>

BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

41 PERSPEKTIF KESELURUHAN

42 EKONOMI GLOBAL

Sisipan 2.1 – KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA
2025: Menerajui Masa Depan Kewangan ASEAN

52 TINJAUAN GLOBAL 2026

55 KESIMPULAN

56 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

Perspektif Keseluruhan

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar

(KDNK) global diunjurkan 3% pada 2025 dan 3.1% tahun 2026, disokong oleh aktiviti perdagangan yang kukuh pada separuh pertama 2025, pemulihan kewangan global serta langkah fiskal bersasar di beberapa ekonomi utama. Walau bagaimanapun, kadar pengembangan ini kekal di bawah purata prapandemik sebanyak 3.7%, menandakan pemulihan yang stabil namun masih terdedah kepada risiko.

Bagi **ekonomi maju**, pertumbuhan dijangka kekal sederhana 1.5% pada 2025 dan 1.6% tahun 2026. Amerika Syarikat (AS) diunjur berkembang 1.9% pada 2025, sebelum meningkat kepada 2% tahun 2026. Kawasan euro dijangka mencatat pertumbuhan 1% pada 2025 dan 1.2% tahun 2026, manakala Jepun dijangka lebih perlahan daripada 0.7% pada 2025 kepada 0.5% tahun 2026.


Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE) kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan global dengan pengeluaran diunjurkan 4.1% pada 2025 dan 4% tahun 2026. China dijangka berkembang 4.8% pada 2025 sebelum menyederhana kepada 4.2% tahun 2026 apabila sokongan dasar berkurangan. India dijangka mengekalkan momentum kukuh dengan

pertumbuhan 6.4% bagi kedua-dua tahun, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan.

Perdagangan global diunjur berkembang 2.6% pada 2025 sebelum perlahan kepada 1.9% tahun 2026, kesan daripada aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) yang semakin reda. Walaupun aliran perdagangan telah menyokong pengeluaran global secara sementara, ketidakpastian yang berpanjangan mengenai tarif dan pelarasan rantai bekalan dijangka mengekang momentum pada masa hadapan. Aliran **pelaburan langsung asing** juga dijangka kekal perlahan sehingga 2026, dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik, peralihan rantai bekalan dan ketidakpastian fiskal yang menjejaskan sentimen pelabur.

Trajektori **inflasi global** dijangka terus menurun, dengan purata 4.2% pada 2025 dan 3.6% tahun 2026. Inflasi kekal melebihi sasaran di AS, manakala kawasan euro dan EMDE mengalami pengurangan inflasi yang lebih ketara didorong oleh permintaan yang perlahan serta harga komoditi yang lebih rendah.

Prospek **risiko** global 2026 kekal pada aliran menurun disebabkan peningkatan tarif baharu, gangguan geopolitik dalam aliran tenaga dan perdagangan, ketidakseimbangan fiskal berpanjangan serta ketidakpastian pasaran kewangan global.

RAJAH 2.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global 2024 – 2026 (%Perubahan)¹ Anggaran² Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Ekonomi Maju serta Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook Update (Julai 2025)

Ekonomi Global

Pada separuh pertama 2025, ekonomi **AS** menunjukkan pertumbuhan yang perlahan disebabkan permulaan yang lemah di awal tahun. Menurut laporan Bureau of Economic Analysis, U.S. Department of Commerce, ekonomi menyusut pada suku pertama 0.5% namun pulih dengan ketara sebanyak 3.8% pada suku kedua. Permintaan swasta kekal kurang menggalakkan ekoran kadar faedah yang tinggi menyebabkan kos pinjaman meningkat seterusnya mendorong isi rumah dan perniagaan mengambil langkah lebih berhati-hati. Pasaran buruh terus kukuh dengan kadar pengangguran stabil pada 4.1% dan penciptaan pekerjaan baharu sekitar 150,000 setiap bulan. Pada masa yang sama inflasi terus mereda apabila harga keseluruhan meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu 2.7%.

Ekonomi AS diunjur berkembang pada kadar 1.9% bagi 2025 berbanding 2.8% tahun 2024. Pertumbuhan yang kurang menggalakkan ini disebabkan oleh kesan perlahan daripada kadar faedah tinggi yang berpanjangan, penyusutan kapasiti fiskal serta ketidaktentuan global yang berterusan. Pada separuh pertama 2025 keadaan kewangan bertambah baik susulan penyusutan nilai dolar AS. Walaupun prospek pasaran semakin optimistik aktiviti ekonomi keseluruhan kekal terbatas. Penyusutan nilai dolar AS dijangka meningkatkan eksport, manakala penggunaan domestik dijangka memacu pertumbuhan.

Pengguna dijangka mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dengan mengambil kira kenaikan kadar pinjaman dan kenaikan upah sebenar yang perlahan, walaupun pasaran buruh kekal kukuh. Momentum perbelanjaan pengguna pascapandemik telah berkurangan

mendorong pembeli lebih peka terhadap kenaikan harga dan keperluan pembayaran balik. Walaupun prestasi runcit kekal stabil, ia menunjukkan tahap yang tidak konsisten merentas kumpulan pendapatan berbeza. Pasaran buruh dijangka kekal ketat pada 2025 dengan purata kadar pengangguran masih pada 4.2%. Walaupun kadar ini lebih tinggi daripada paras prapandemik ia masih mencerminkan pasaran kerja yang kukuh. Peluang pekerjaan dijangka meningkat dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam industri penjagaan kesihatan, logistik dan digital. Inflasi dijangka mencatat 2.8% pada 2025 menumpu secara berperingkat ke arah sasaran 2% Rizab Persekutuan disokong oleh rantai bekalan yang bertambah baik. Rizab Persekutuan dijangka mengekalkan kadar faedah yang tinggi pada 2025 sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengurus inflasi.

Menurut Office of National Statistics UK, ekonomi **UK** berkembang 0.7% pada suku pertama 2025 berbanding pertumbuhan 0.1% pada tempoh yang sama 2024. KDNK dianggarkan meningkat 0.3% pada suku kedua 2025. Secara keseluruhan pertumbuhan bagi separuh pertama 2025 dijangka mencatatkan 1%.

Ekonomi UK dijangka berkembang 1.2% pada 2025 berbanding 1.1% tahun 2024. Faktor utama yang menyumbang kepada perubahan ini termasuk kesan limpahan kecil dari tahun 2024, impak daripada pengumuman tarif terkini, peningkatan kadar hasil bon kerajaan serta pengurangan penggunaan swasta disebabkan inflasi yang meningkat berikutan kawalan harga dan kos tenaga.

Kadar pengangguran di UK diunjurkan 4.5% pada 2025 berbanding 4.3% tahun 2024. Peningkatan ini disebabkan oleh pasaran buruh yang perlahan, kadar pengangguran yang tinggi dan penurunan dalam kekosongan pekerjaan. Secara purata, inflasi dijangka mencecah 3.1% pada 2025 berbanding 2.5% tahun 2024. Peningkatan inflasi keseluruhan

yang bermula separuh tahun kedua 2024 dijangka berterusan akibat kenaikan harga dikawal, peningkatan caruman majikan ke atas Sumbangan Insurans Nasional (NIC) dan pengurangan kesan asas daripada harga tenaga.

KDNK di **kawasan euro** meningkat 1.5% pada suku pertama 2025 berbanding 0.5% tahun 2024. Pemulihan ini terutamanya didorong oleh prestasi kukuh di Ireland disebabkan eksport farmaseutikal yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) dan pembukaan fasiliti pengeluaran baharu. Pasaran buruh kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran pada 6.4% berbanding 6.5% tahun 2024 disokong oleh penciptaan pekerjaan yang kukuh terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Ekonomi kawasan euro dijangka berkembang pada kadar 1% pada 2025 berbanding 0.9% tahun 2024, disokong oleh perbelanjaan isi rumah berikutan inflasi yang menyederhana kepada 2.1% berbanding 2.4% tahun 2024. Selepas pemotongan kadar secara berturut sejak pertengahan 2024, European Central Bank (ECB) mengekalkan kadar faedah yang stabil pada 2% dengan mengambil langkah berhati-hati dalam persekitaran dasar perdagangan yang tidak menentu. Dasar monetari akomodatif oleh ECB menyokong pemulihan dalam pelaburan yang mencatatkan pertumbuhan 1.3% pada 2025 berbanding -1.8% tahun 2024. Pasaran buruh terus kukuh dengan kadar pengangguran dijangka kekal pada 6.4%.

Ekonomi **Jerman** mencatatkan penguncupan KDNK pada 2023 hingga 2024 dan tiada pertumbuhan KDNK bagi suku pertama 2025 berbanding -0.1% tahun 2024. Sama seperti kawasan euro yang lain, pertumbuhan Jerman disokong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah apabila inflasi berkurang kepada 2.3% pada suku pertama berbanding 2.5% tahun 2024. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan dijangka membebaskan sektor pembuatan Jerman yang besar dan sangat bergantung kepada eksport. Kerajaan

baharu yang ditubuhkan pada Februari 2025 mengumumkan belanjawan persekutuan pada 24 Jun 2025 yang memberi fokus untuk meningkatkan pelaburan dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Keadaan ekonomi yang lebih perlahan turut memberi kesan kepada pasaran buruh dengan kadar pengangguran meningkat kepada 3.6% berbanding 3.3% tahun 2024.

Aktiviti ekonomi dijangka perlahan untuk sepanjang tahun 2025, mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh sektor eksport berikutan permintaan luaran yang lemah dan ketidakpastian dasar perdagangan AS yang terus menekan sektor pembuatan. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh inflasi yang diunjur mencatat pengurangan kepada 2.1% pada 2025 berbanding 2.5% tahun 2024.

Ekonomi **Perancis** berkembang lebih perlahan pada suku pertama 2025 dengan pertumbuhan KDNK mencatatkan 0.6% berbanding pertumbuhan 1.7% dalam tempoh yang sama pada tahun 2024. Inflasi menurun secara mendadak kepada 1.1% daripada 2.8% pada tahun sebelumnya yang memberikan kelegaan sementara kepada kuasa beli isi rumah. Pasaran buruh kekal berdaya tahan dengan kadar pengangguran stabil pada 7.4%.

Bagi tahun 2025 pertumbuhan ekonomi Perancis diunjurkan pada 0.6% berbanding peningkatan 1.1% tahun 2024. Ini menunjukkan penguncupan fiskal, permintaan luaran yang lemah dan ketidakpastian dasar global yang semakin meningkat. Aktiviti ekonomi yang lemah ini akan memberi tekanan kepada pasaran buruh dan menyebabkan kadar pengangguran meningkat kepada 7.7% berbanding 7.4% tahun 2024. Perbelanjaan kerajaan dijangka menguncup sejajar dengan langkah pemotongan belanjawan. Permintaan yang lemah ini dijangka mengurangkan tekanan harga dengan inflasi diunjurkan menurun kepada 0.8% pada suku kedua 2025 berbanding 2.2% pada tempoh yang sama 2024.

Menurut Cabinet Office, Government of Japan, ekonomi **Jepun** berkembang 1.7% pada suku pertama dan kedua 2025 melonjak dari -0.8% dan -0.7% dalam tempoh yang sama pada 2024. Pertumbuhan KDNK Jepun disokong terutamanya daripada penggunaan swasta yang meningkat 1.6% dan 1.1% pada suku pertama dan kedua 2025. Dari aspek permintaan, pertumbuhan disokong oleh lonjakan dalam eksport yang meningkat 3.9% dan 4.9% pada suku masing-masing berikutan daripada aktiviti perdagangan yang dilakukan lebih awal (*front-loading*) seiring pengumuman tarif AS. Inflasi dicatatkan antara 3% dan 3.5% disebabkan oleh kenaikan harga makanan khususnya beras.

Ekonomi Jepun dijangka berkembang 0.7% pada 2025. Penggunaan swasta dijangka kekal berdaya tahan didorong oleh kenaikan upah yang kukuh yang meningkatkan pendapatan isi rumah. Penggunaan swasta dijangka turut didorong oleh inisiatif kerajaan, termasuk langkah-langkah untuk mengurangkan beban isi rumah berikutan kenaikan harga tenaga serta pelaksanaan reformasi percukaian pada 2025. Inflasi dijangka mencatat 3.3% berikutan penyederhanaan harga minyak dan makanan. Kadar pengangguran diunjurkan kekal stabil pada 2.5%.

Menurut Australian Bureau of Statistics, ekonomi **Australia** berkembang 0.3% pada suku pertama dan 0.6% pada suku kedua 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik khususnya perbelanjaan isi rumah dan kerajaan. Pertumbuhan ekonomi Australia dipacu oleh perdagangan antarabangsa yang kukuh terutamanya dalam pengeksporan produk perlombongan. Kadar inflasi suku kedua 2025 adalah 2.1%, menurun daripada 2.4% pada suku pertama 2025. Pasaran buruh kekal stabil dengan kadar pengangguran pada separuh pertama 2025 berada antara 4.1% dan 4.2%, manakala upah meningkat secara stabil.

Tahun 2025, KDNK Australia diunjurkan berkembang pada kadar 1.8% disokong oleh keadaan kewangan global yang bertambah baik, pemulihan perdagangan antarabangsa dan pengurangan tekanan tarif. Namun begitu, permintaan domestik terutamanya perbelanjaan isi rumah dijangka menyederhana disebabkan beberapa faktor termasuk kos sara hidup yang tinggi. Inflasi diunjurkan kekal stabil pada 2.5% sekali gus mendorong Reserve Bank of Australia (RBA) mengekalkan pendirian monetari yang neutral. Kadar pengangguran kekal stabil dan diunjurkan pada 4.2% disokong oleh penyertaan tenaga buruh yang stabil dan sektor perkhidmatan yang masih mengambil pekerja baharu.

Pertumbuhan KDNK **Republik Korea** menguncup dengan ketara 0.1% pada separuh pertama 2025 berbanding 2.8% dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan perlahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncupan 11.3% dalam pelaburan sektor pembinaan dan pertumbuhan sektor perkhidmatan yang perlahan berikutan sentimen pengguna yang lemah. Inflasi mencatat 2% berikutan kejatuhan harga minyak global, manakala kadar pengangguran dicatatkan pada 3.1%.

Ekonomi Republik Korea dijangka mencatat pertumbuhan perlahan 0.8% pada 2025, disebabkan oleh permintaan domestik yang lemah. Pelaburan sektor pembinaan diunjur menguncup pada 2025 terutamanya disebabkan oleh kemerosotan yang ketara pada separuh pertama. Penggunaan swasta dijangka mengalami pertumbuhan perlahan khususnya dalam sektor perkhidmatan berikutan sentimen pengguna yang lemah. Inflasi dijangka mencatat 1.9% sementara kadar pengangguran pada 2.9%.

Menurut National Bureau of Statistics of China, ekonomi **China** berkembang 5.3% pada separuh pertama 2025 melepasi pertumbuhan

secara marginal 5% bagi tempoh yang sama tahun 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, iaitu 68.8% daripada KDNK. Sektor perkhidmatan berkembang 5.5% disokong oleh nilai tambah subsektor perkhidmatan penghantaran maklumat, perisian dan teknologi maklumat, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan, pengangkutan, penyimpanan dan perkhidmatan pos serta perdagangan borong dan runcit. Inflasi direkod pada 0.1% disokong oleh bekalan mencukupi yang menyebabkan penurunan harga sayur-sayuran segar dan bijirin. Kadar pengangguran meningkat secara marginal kepada 5.2%.

Bagi tahun 2025, pertumbuhan ekonomi China dijangka menyederhana pada 4.8% mencerminkan permintaan domestik yang lemah serta cabaran perdagangan luar yang berterusan. Pelaburan swasta dijangka menguncup 11.2%, disebabkan oleh pelaburan hartanah yang perlahan. Inflasi dijangka sifar, manakala kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 5.1%.

Pertumbuhan KDNK **India** pada 2025 diunjurkan pada kadar 6.4% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik dan keadaan luaran yang bertambah baik. Penggunaan swasta yang berdaya tahan, momentum berterusan dalam perbelanjaan infrastruktur awam dan peningkatan eksport secara berperingkat dijangka memacu pertumbuhan dalam persekitaran global yang semakin stabil. Dari segi penawaran, di bawah sektor perkhidmatan terutamanya perkhidmatan digital dan kewangan dijangka kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, manakala sektor pembuatan menerima manfaat kepelbagaian rantai bekalan dan sokongan dasar. Kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 2025 menunjukkan keadaan pasaran buruh yang sihat. Inflasi dijangka menurun kepada 4.2% disokong oleh penurunan harga makanan dan tenaga.

SISIPAN 2.1

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Menerajui Masa Depan Kewangan ASEAN

RAJAH 2.1.1. Struktur Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025



Sumber: The ASEAN Charter
Kementerian Kewangan Malaysia

Pengenalan

Malaysia menyandang Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 buat kali kelima dengan tema "Keterangkuman dan Kemampunan" mencerminkan pencapaian sedekad di bawah Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2025 serta hala tuju strategik yang baharu. Pencapaian 2025 ini memberi peluang penting kepada ASEAN untuk melancarkan Pelan Strategik AEC 2026-2030 yang membuka landasan ke arah transformasi kewangan, keterangkuman dan pertumbuhan mampan selaras dengan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 (ACV 2045) dalam menghadapi cabaran global yang sentiasa berubah.

Komuniti ASEAN

Komuniti ASEAN diasaskan kepada tiga tonggak utama yang saling berkaitan: Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC), Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC). Tonggak-tonggak ini secara kolektif bertujuan membina kerjasama serantau yang aman, makmur dan berpaksikan rakyat. Wawasan Komuniti ASEAN 2025 (ACV 2025) telah dilancarkan semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2015 bertemakan "Warga Kita, Komuniti Kita, Wawasan Kita," telah membimbing kemajuan ASEAN merentas ketiga-tiga tonggak tersebut. Pada tahun 2025, Malaysia telah menyempurnakan ACV 2025, sekaligus merangka hala tuju sehingga 2045 bagi merealisasikan visi ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik dan berpaksikan rakyat.

Komuniti Ekonomi Asean (AEC)

Kepimpinan Malaysia pemangkin penting dalam memajukan kerjasama ekonomi ASEAN dengan penyempurnaan Pelan Tindakan AEC 2025 yang diterima pakai pada tahun 2015. Kemajuan pelaksanaan keseluruhan berada pada tahap membanggakan iaitu 97%, merangkumi 75% inisiatif yang telah diselesaikan dan 22% sedang dalam pelaksanaan. Di bawah Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, Pelan Strategik AEC 2026–2030 diluncurkan sebagai fasa pertama ke arah ACV 2045. Pelan ini menyediakan rangka kerja komprehensif untuk mentransformasi ekonomi ASEAN, sejajar dengan keperluan perniagaan yang semakin berkembang dan menangani cabaran global serta serantau.

Bagi menyokong Pelan ini, 18 Keberhasilan Ekonomi Keutamaan (PED) di mana tiga PED di bawah trek kewangan telah diterima pakai untuk memupuk AEC yang berdaya tahan, inklusif dan berorientasikan masa hadapan. PED ini dikelompokkan di bawah empat teras: meningkatkan perdagangan dan pelaburan, mewujudkan laluan inklusif dan mampan, menggalakkan integrasi dan kesalinghubungan ekonomi serta membina ASEAN yang berdaya tahan digital. Dalam rangka kerja AEC, Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN menerajui kerjasama kewangan, dengan tumpuan untuk memperkukuhkan integrasi kewangan melalui kestabilan kewangan, pembangunan pasaran modal, daya tahan serantau dan perkhidmatan kewangan yang inklusif.

Trek Kewangan ASEAN

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) berfungsi sebagai platform utama untuk kerjasama kewangan serantau. Penganjuran AFMGM ke-12 di Kuala Lumpur, Malaysia telah menerima pakai tiga PED yang merangkumi:

PED#1: Memangkin Kewangan Hijau untuk ASEAN yang Adil dan Berdaya Tahan Iklim

ASEAN dijangka akan mengalami kerugian KDNK sehingga 11% menjelang 2100 akibat daripada risiko berkaitan iklim. Walaupun pelepasan karbon secara relatif kekal rendah, pencapaian sifar bersih menjelang 2050 masih memerlukan pelaburan yang besar. Kepimpinan Malaysia telah menekankan pendekatan tiga serampang ke arah kelestarian:

- (i) membangunkan instrumen untuk menyokong usaha penyahkarbonan dan membina daya tahan iklim;
- (ii) mendapatkan pembiayaan untuk projek iklim/hijau; dan
- (iii) menyokong peralihan hijau Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS).

Ketiga-tiga pendekatan di bawah PED ini disokong oleh keberhasilan utama seperti berikut:

- (i) Penerbitan **Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Lestari Versi 4** yang memperkenalkan kategori “Amber” untuk mencerminkan kepelbagaian ekonomi anggota ASEAN. Sebagai pelengkap kepada usaha berkenaan, **Garis Panduan Kewangan Peralihan ASEAN Versi 2** telah dilancarkan untuk membolehkan institusi kewangan menyelaraskan strategi dengan sasaran iklim global;

- (ii) Peluncuran **Pelan Tindakan Dana Infrastruktur ASEAN (AIF) 2025–2028** bagi meningkatkan infrastruktur hijau telah memperkenalkan Fasiliti Kesiapan Projek Keterhubungan Serantau (RCF), Fasiliti Pembiayaan Peralihan Rangkaian Kuasa ASEAN (ASEAN TFF) dan fasiliti pembiayaan Islam secara rintis yang bertujuan untuk mengalakkan pelaksanaan projek berskala besar serta berdaya maju merentas ASEAN; dan
- (iii) Pengiktirafan peranan PMKS yang merangkumi 99% perniagaan ASEAN dan lebih 85% pekerjaan di sesetengah negara melalui pengenalan **Panduan Penzahiran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Ringkas (SEDG)** bagi membantu PMKS memenuhi keperluan pelaporan ESG. Dalam masa yang sama, Malaysia menerbitkan buku panduan rantai bekalan serantau bertajuk “Building Supply Chain Resilience: Insight into Greening Value Chain for ASEAN” untuk membimbing PMKS mempercepatkan proses penyahkarbonan, pematuhan kepada peraturan antarabangsa dan membina daya tahan.

Secara keseluruhannya, usaha ini dijangka akan mengurangkan pelepasan karbon, meningkatkan penggunaan ESG dan menjana antara USD3.7 trilion hingga USD6.7 trilion dalam pelaburan hijau menjelang 2050, mewujudkan antara 49 hingga 66 juta pekerjaan tambahan dan manfaat ekonomi jangka panjang.

PED#2: Mempercepat Pertumbuhan Pasaran Modal yang Mampan, Terhubung dan Inklusif

Malaysia telah menerajui peluncuran **Pelan Tindakan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) 2026–2030**. Walaupun pembiayaan berasaskan pasaran hanya menyumbang 54% daripada KDNK ASEAN, pelan ini direka untuk memperkukuhkan integrasi, meningkatkan kewangan hijau dan peralihan serta meletakkan ASEAN sebagai kelas aset yang berdaya saing global. Pelan ini memberi tumpuan kepada peningkatan penjajaran kawal selia, memperkukuhkan pembangunan kapasiti, menambah baik ketelusan dan mempertingkatkan kesedaran.

PED#3: Memperluaskan Ketersambungan Pembayaran Segera secara Inklusif

Malaysia menumpukan kepada kewangan digital dengan menyasarkan peluasan pautan pembayaran QR dua hala daripada 18 kepada 25 menjelang akhir 2025. Usaha ini menyasarkan peningkatan tahunan 50% dalam jumlah transaksi pembayaran QR rentas sempadan dan peningkatan 25% dalam pemindahan dana antara individu. Pautan ini menyokong PMKS, pengguna dan pekerja migran dengan mengurangkan kos transaksi di samping meningkatkan kelajuan dan keselamatan.

Malaysia turut menerajui pemuktamadan **Roadmap Ketersambungan Pembayaran Segera Serantau**, satu langkah penting ke arah rangkaian pembayaran multilateral yang lancar di seluruh ASEAN. Ini akan merancakkan perdagangan, pelancongan, dan keterangkuman kewangan selaras dengan piawaian kewangan global.

Trek Kewangan ASEAN+3

Pada tahun 2025, sebagai Pengerusi Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 (AFMGM+3) dengan China, Malaysia terus mengukuhkan kedudukan ASEAN dalam ASEAN+3 termasuk China, Jepun, dan Republik Korea. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi serantau, menggalakkan kestabilan kewangan dan memupuk dialog strategik dalam kalangan ekonomi terbesar Asia, sekali gus mempertingkatkan pengaruh ASEAN serta memacu pertumbuhan mampan di seluruh Asia Timur.

Inisiatif utama AFMGM+3 termasuk:

